**Peranti AED di lokasi awam** MS 9








**Kg. Selut: Tiada sebarang pembangunan diluluskan** MS 25



PERCUMA

buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

1 – 15 JANUARI, 2016

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng


# Kg. Mutiara: KN bersama penduduk

## Selagi penduduk tidak diberi pampasan adil, Kerajaan Negeri tidak benarkan sebarang pembangunan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BATU FERRINGHI –** Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari melahirkan rasa kecewa apabila tuan tanah Kampung Mutiara di sini tidak mahu menunggu sehingga keputusan mahkamah rayuan (dibuat) pada 6 Januari 2016 atau sekurang-kurangnya berbincang dahulu sebelum mengambil tindakan dengan 'memaksa' para penduduk mengosongkan kediaman masing-masing pada 29 Disember 2015.

Zairil memberitahu, beliau menerima panggilan berhubung tindakan pengosongan membabitkan 64 rumah di Kampung Mutiara di sini pada 28 Disember 2015.

“Rundingan kini sedang dijalankan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dengan tuan tanah.

“Tambahan pula, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri turut menyatakan hasrat untuk membeli lot-lot tanah tersebut pada harga pasaran berasaskan nilaian tanah pada Ogos 2015, namun tidak mendapat respons daripada tuan tanah sehingga kini.

"Ketiga-tiga proses ini sedang berlangsung (keputusan mahkamah rayuan, rundingan dan pembelian tanah oleh ICU), tapi tiba-tiba kita (Kerajaan Negeri) mendapat tahu ada tindakan begini (pengusiran dan perobohan).

"Sekurang-kurangnya, kita berbincang dahulu, tetapi tuan tanah tidak mengendahkannya dan sikap beliau (tuan tanah) yang tidak mahu menunggu (sehingga keputusan mahkamah dibuat) amat mengecewakan," katanya pada sidang media yang diadakan di perkarangan Kampung Mutiara pada hari berkaitan.

Hadir sama, Ketua Polis Negeri, Datuk Seri Abdul Rahim Hanafi, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Bahang, Datuk Shaheadan Ayoob, beberapa wakil komponen Pakatan Harapan Negeri Pulau Pinang serta Barisan Nasional (BN) dan wakil-wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Lebih 300 penduduk Kampung Mutiara berkumpul setelah menerima khabar bahawa kampung mereka akan dirobohkan pada 29 Disember 2015

Mengulas lanjut, Zairil menegaskan bahawa pendirian Kerajaan Negeri berhubung isu berkaitan adalah amat jelas sejak dahulu iaitu tidak akan membenarkan sebarang pembangunan di atas tanah tersebut selagi penduduk tidak diberi pampasan yang adil.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan berdiri bersama penduduk hari ini (29 Disember 2015) untuk menghalang sebarang proses pengusiran dan perobohan di Kampung Mutiara.

"Walaupun isu ini merupakan (isu) antara tuan tanah dan penduduk yang tidak membabitkan tanah Kerajaan Negeri, namun kita (Kerajaan Negeri) sedayanya bertekad membantu mencari penyelesaian.

“Malah, saya juga dimaklumkan oleh Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo bahawa Kerajaan Negeri turut menyediakan unit-unit rumah sementara di bawah program perumahan rakyat (PPR) sekiranya penduduk terpaksa mengosongkan kediaman mereka nanti,” jelas beliau.



**PEMANDANGAN Kampung Mutiara.**

Terdahulu, Zairil memberitahu pemberita bahawa pihaknya bersama-sama ADUN Tanjung Bunga, Teh Yee Cheu serta wakil-wakil dari Umno, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP), mengadakan perbincangan dengan penduduk di Balai Rakyat Kampung Mutiara berhubung pelan tindakan selanjutnya.

"Seperti yang anda dapat lihat, hari ini (29 Disember 2015), kita berdiri bersama-sama penduduk tanpa mengira fahaman politik mempertahankan penduduk Kampung Mutiara," ujarnya.

Dalam pada itu, melalui perbualan telefon pada 7 Januari lalu, Zairil memberitahu bahawa mahkamah rayuan telah menetapkan semula tarikh 16 Februari 2016 untuk keputusan.

“Oleh itu, tarikh penangguhan selama sebulan yang diumumkan sebelum ini oleh Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner (ACP) Mior Faridalathrash Wahid) akan dibawa ke Mahkamah Tinggi Pulau Pinang (oleh peguam) untuk mendapatkan tarikh penangguhan baru sehingga keputusan mahkamah rayuan didengar pada 16 Februari nanti,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini.

Kemelut Kampung Mutiara bermula pada tahun 2007 apabila tuan tanah menyerahkan notis pengosongan kepada penduduk.

Perkara tersebut berlanjutan apabila keputusan mahkamah berpihak kepada tuan tanah sehinggalah perintah mahkamah dikeluarkan pada Julai 2015 bagi menangguhkan tindakan pengusiran di kampung tersebut.



**AKSI sekumpulan kanak-kanak yang sedang bermain permainan 'tuju selipar' berjaya dirakam lensa Buletin Mutiara di Kampung Mutiara baru-baru ini.**

# Rai Maulidur Rasul, contohi kehidupan Rasulullah S.A.W – Exco Agama

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA –** Sambutan Maulidur Rasul 1437H Peringkat Negeri Pulau Pinang yang diraikan saban tahun diharap dapat menyemarakkan lagi penghayatan umat Islam terhadap sunnah kehidupan Nabi Muhammad S.A.W.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berkata demikian semasa berucap pada Majlis Himpunan Ummah baru-baru ini.

"Perayaan-perayaan yang dijalankan mestilah tidak hanya berteraskan kebudayaan.

"(Melalui) perayaan-perayaan ini, Insya-Allah, kita (Kerajaan Negeri) mengharapkan agar umat Islam dapat mencontohi sunnah Nabi Muhammad S.A.W. dalam kehidupan seharian kita," jelasnya pada majlis berkaitan di Masjid Jamek Seberang Jaya di sini.

Abdul Malik yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung memberitahu, umat Islam hari ini sewajarnya bangkit dalam konteks pemikiran, kebudayaan dan keintelektualan, demi memajukan ekonomi masing-masing di Pulau Pinang.

Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas diiringi isteri, Toh Puan Majimor Shariff menyempurnakan majlis berkaitan.

Tun Abdul Rahman dalam ucapannya turut memuji Kerajaan Negeri kerana konsisten mengangkat maksud "Al-Islam Rahmatun Lil 'Alamin" berdasarkan inti ayat 107 daripada Surah Al-Anbiya', sebagai tema sambutan pada kali ini.

ADUN Seberang Jaya merangkap Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Dato' Maktar Shapee (ADUN Sungai Bakap merangkap Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang); Dato' Seri Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri); Sohibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor (Mufti Negeri) dan Datuk Sazali Hussein (Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, JHEAIPP) antara pemimpin negeri yang hadir pada majlis tersebut.

Pada majlis sama, Penasihat 2Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim), Sheikh Hussain Yee Abdullah, 65, dipilih sebagai Tokoh Maulidur Rasul Pulau Pinang sempena sambutan Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W di peringkat negeri.

Peguam muda, Muneer Mohamed Farid dipilih sebagai penerima Anugerah Qudwatur Rasul Kategori Belia, manakala, Datuk Ahmad Zakiyuddin Abd Rahman (Kategori Kemasyarakatan).

Bagi Kategori Pendidikan, anugerah tersebut diraih guru dari Sekolah Menengah Agama Nurul Islam, Mardziah Zakaria, manakala, bagi Kategori Inovasi dianugerahkan kepada Pensyarah dan Ketua Penyelidik Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr. Soib Taib.

Sebelum itu, lebih 20 kontinjen menjayakan acara perarakan dari perkarangan parkir Seberang Perai Arena (SPA) ke Masjid Jamek Seberang Jaya.

Mereka, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Jabatan Kewangan Negeri, gabungan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri dan Jabatan Mufti Negeri, Jabatan Perancang Bandar & Desa (JPBD), Pejabat Tanah & Galian Negeri, Pejabat-pejabat Tanah dan Daerah, Jabatan Pengairan & Saliran (JPS), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Veterinar Negeri, Jabatan Pertanian Negeri, Jabatan Botani Negeri, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Turut serta, Perbadanan Perpustakaan Pulau Pinang, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pasukan Bomba dan Penyelamat, Kompleks Penjara Seberang Perai, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, RELA, Hospital Pulau Pinang, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, Persatuan Silat Pusaka Gayong Cawangan Seberang Perai dan Sungai Ara.

PDRM, Bomba dan Penyelamat, MBPP, MPSP dan TNB merupakan pasukan yang memenangi hadiah kontinjen perbarisan terbaik.



**DR. Abdul Rahman Abbas (dua dari kiri) menyampaikan anugerah kepada Soib Taib (dua dari kanan) sambil disaksikan Abdul Malik Abul Kassim (kiri sekali), Dr. Afif Bahardin (kanan sekali) dan Farizan Darus (tengah) pada sambutan Maulidur Rasul 1437H Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**



**PASUKAN MPSP bergambar kenangan meraikan pengiktirafan diterima.**

# JKKK, terima kasih atas komitmen & kesediaan terima amanah KN

**KEPALA BATAS –** Bagi memantapkan peranan dimainkan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK), sebuah jawatankuasa kecil (biro) antara pihak berkaitan dengan Exco-exco Kerajaan Negeri (berdasarkan portfolio masing-masing) bakal diwujudkan.

Timbalan Ketua Menteri I merangkap Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Keusahawanan & Koperasi dan Perhubungan Masyarakat, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata, dalam perancangan ke arah matlamat berkaitan, setiap JKKK perlu menghantar sekurang-kurangnya dua ahli untuk menganggotai biro yang akan diketuai oleh Exco-exco tertentu.

"Selain bertujuan memperkembangkan aktiviti di peringkat kampung dan taman, biro-biro ini diharap dapat memacu Kerajaan Negeri sebagai negeri contoh dalam aspek-aspek kemasyarakatan," katanya pada Majlis Makan Malam Anugerah JKKK Terbaik Negeri Pulau Pinang 2015 di sini baru-baru ini.

Hadir sebagai tetamu kehormat, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Mengulas lanjut, Mohd. Rashid memberitahu bahawa JKKK perlu memainkan peranan penting untuk menyalurkan maklumat betul kepada umum, menepis fitnah yang tidak benar dan menjadi penghubung antara Kerajaan Negeri, jabatan-jabatan atau agensi-agensi berwajib dengan masyarakat setempat.

Malah, serentak itu, beliau turut menggesa pihak berkaitan supaya mengambil bahagian dalam pertandingan Anugerah JKKK Terbaik Peringkat Negeri yang dianjurkan saban tahun.

"Platform ini merupakan peluang terbaik bagi membolehkan JKKK mengembangkan lagi potensi yang ada dalam kalangan ahli.

Dalam pada itu, Guan Eng menzahirkan ucapan terima kasih kepada pimpinan JKKK di atas kesediaan menerima amanah yang diberikan selaku perantara Kerajaan Negeri dengan masyarakat di akar umbi.

"Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua JKKK...tanpa komitmen yang tinggi daripada anda, segala dasar Kerajaan Negeri tidak akan dapat disalurkan dengan baik dan berkesan.

"Di sini juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli JKKK daripada parti PAS yang telah memberikan khidmat kepada Kerajaan Negeri selama ini dan akan menghormati keputusan mereka untuk menamatkan perkhidmatan dengan Kerajaan Negeri," ujar beliau.

Johan JKKK terbaik bagi setiap lima daerah di negeri ini masing-masing membawa pulang RM3,000, sijil penghargaan dan piala. Johan untuk Kategori Anugerah Profil JKKK Terbaik membawa pulang hadiah RM1,000 beserta sijil penghargaan.




**MOHD. Rashid Hasnon (tujuh dari kiri) menyampaikan replika cek kepada johan Anugerah JKKK Terbaik 2015 bagi Daerah Seberang Perai Tengah pada Majlis Makan Malam Anugerah JKKK Terbaik Negeri Pulau Pinang 2015 di sini baru-baru ini.**

*(Jadual senarai pemenang di muka surat 4).*

# KN boleh surplus setiap tahun kerana bersih & tanpa GST - KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB & NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD & ALISSALA THIAN**

**SEBERANG JAYA** – Tanpa perlu bergantung pada hasil Cukai Barangan & Perkhidmatan (GST) pun, belanjawan Kerajaan Pusat sebenarnya masih mampu mencatatkan lebihan kewangan, sekiranya diurus secara bersih dan cermat sebagaimana dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, pentadbirannya tiap-tiap tahun sejak 2008 mencatatkan surplas, dengan rekod keseluruhannya kira-kira RM453 juta sehingga tahun 2013.

"Apabila kita (rakyat) melihat Kerajaan Pusat tiap-tiap tahun rugi (defisit kewangan), Kerajaan Pulau Pinang boleh untung (lebihan kewangan) kerana bersih, sungguhpun tanpa GST.

"Itulah perbezaannya antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Putrajaya, dia (Kerajaan Pusat) ada GST, tapi masih rugi lagi, (manakala) kita (Kerajaan Pulau Pinang) tiada GST, tapi kita masih boleh untung (surplas).

"Jika kita (Pakatan Harapan) ke Putrajaya, kita akan buktikan belanjawan Malaysia boleh untung (surplas) sungguhpun tanpa GST," katanya pada Majlis Penyerahan Cek Bantuan Pelajar Ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Zon Seberang Perai 2015 di perkarangan Tapak Ekspo Seberang Jaya di sini pada 12 Disember tahun lalu.

Seramai 1,321 mahasiswa dari universiti awam dan beberapa kolej terpilih masing-masing disumbangkan cek I-Bita bernilai RM1,000. Jumlah keseluruhannya yang diperuntukan adalah lebih RM1.3 juta iaitu dari sumber dana Kerajaan Negeri.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya merangkap Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, Lim Hock Seng (ADUN Bagan Jermal merangkap Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti), Dato' Mohd. Salleh Man (ADUN Permatang Pasir merangkap Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, MAINPP) dan A. Tanasekharan (ADUN Bagan Dalam).

Guan Eng yang juga ADUN Air Putih sekali lagi merayu Kerajaan Pusat melaksanakan *'Zerorise GST'* atau GST Berkadaran Sifar seperti dicadangkan pihak pembangkang dalam Bajet Alternatif.

Tegasnya, GST ternyata membebankan rakyat terbanyak, dan *'Zerorise GST'* adalah kaedah terbaik ke arah memansuhkan cukai itu.

Mengulas mengenai Bajet 2016 Pusat pula, Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan memberitahu, Kerajaan Pusat sepatutnya tidak mengurangkan kira-kira RM1.4 bilion peruntukan universiti awam berbanding tahun 2015.

Ini kerana katanya, Kerajaan Pusat dilaporkan mendapat sumber tambahan lebih RM30 bilion hasil GST, sejak sistem cukai itu dilaksanakan dalam tempoh antara 1 April hingga 14 Disember 2015.

Bagi Guan Eng, tadbir urus kewangan Kerajaan Pusat yang dilihat seakan boros, tidak cekap, tiada integriti, mempunyai unsur rasuah serta penyelewengan kuasa akhirnya mengakibatkan belanjawan negara akan terus mengalami defisit, sungguhpun bergantung pada hasil GST.



**SALAH seorang penerima merakam gambar *wefie* bersama-sama Ketua Menteri dan Mohd. Rashid Hasnon (kanan sekali) pada Majlis Penyerahan Cek Bantuan Pelajar Ke IPT Zon Pulau 2015 di sini baru-baru ini.**

Sehari selepas itu, Guan Eng bersama-sama Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II) menyampaikan cek I-Bita Peringkat Zon Pulau kepada 538 pelajar dari Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya (233), di Dewan Sri Pinang dekat George Town.

Salah seorang penerima, Muhammad Shamsul Nizam Shafie, 19, yang ditemui kemudian melahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri atas pemberian insentif tersebut.



**MUHAMMAD Shamsul Nizam Shafie.**

Menurut mahasiswa jurusan Sarjana Muda Undang-Undang Syariah dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) itu, sepatutnya lebih banyak bantuan pendidikan disalurkan kepada mahasiswa memandangkan kos sara hidup rakyat kian meningkat.

"Ini kali pertama saya dapat sumbangan... sebagai anak ketiga daripada enam adik beradik, bantuan ini sangat diperlukan.

"Dalam keadaan harga barang naik dan kos sara hidup yang meningkat di tempat saya belajar dekat Nilai (Negeri Sembilan), mahasiswa memang memerlukan bantuan pendidikan seumpama ini," jelas beliau, penduduk di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Komtar.



**BARISAN kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan dengan para penerima sumbangan zon Seberang Perai.**

# PR1MA gagal 'tunai janji' di Pulau Pinang - Exco

**GEORGE TOWN** – Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) didakwa gagal menunaikan janji menyediakan rumah mampu milik untuk rakyat Malaysia di Pulau Pinang, berbanding usaha berterusan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri hari ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata demikian semasa mengulas mengenai laporan berita "*PR1MA a total failure, says property expert*" dalam akhbar Bahasa Inggeris, *The Sun Biz* bertarikh Disember tahun lalu.

"Ini perkara yang penting apabila pemain industri perumahan sendiri yang mendakwa PR1MA secara keseluruhannya gagal.

"Saya menggesa Kerajaan Persekutuan supaya memberikan kepada Pulau Pinang senarai pemohon sebenar unit rumah yang ada pada mereka (PR1MA)," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada sidang media di sini baru-baru ini.



**JAGDEEP Singh Deo menunjukkan keratan akhbar berjudul, *'PRIMA a total failure, says property expert'* pada sidang media di sini baru-baru ini.**

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu bahawa, sebanyak 4,355 unit rumah kos rendah (KR) dan 769 unit rumah kos rendah (KR) sahaja dibina Kerajaan Negeri era Barisan Nasional (BN) dulu di Pulau Pinang, iaitu dalam tempoh tahun 2000 hingga 2007.

"Sedangkan sebanyak 8,092 unit KR dan 8,107 unit KSR pada era Kerajaan Negeri hari ini, dalam tempoh 2008 hingga 2015.

"Di samping itu, dalam tempoh 2008 hingga 2015, sebanyak 3,796 unit KR dan 5,246 KSR telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang untuk pembinaan," jelas beliau.

Tambah Jagdeep, janji-janji kosong tersebut menunjukkan kegagalan Kerajaan Persekutuan, berbanding semasa pentadbiran Pakatan Harapan hari ini yang turut merancang pemajuan 12 projek dengan memperlihatkan sebanyak 22,512 unit, terdiri oleh 787 unit KR, 7,874 unit KSR dan 13,851 rumah mampu milik (MM) akan disediakan untuk rakyat Malaysia di Pulau Pinang pada masa hadapan.

Katanya, pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sehingga kini dilihat masih memungkiri janji untuk membina unit PR1MA di negeri ini.

Difahamkan, menjelang Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) lalu, pentadbiran Najib berjanji untuk membina 9,999 unit rumah mampu milik di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam.

Malah, berasaskan laporan akhbar berbahasa Inggeris, *The Star* bertarikh 26 Oktober 2014, pentadbiran Najib turut berjanji untuk membina 2,100 unit PR1MA di Bukit Gelugor dan 9,564 unit lain di Balik Pulau Pulau Pinang.

"Ini diburukkan lagi apabila mesyuarat Majlis Perumahan Negara pada 21 Ogos 2015, yang dipengerusikan Perdana Menteri sendiri, telah mengumumkan sebanyak 153,807 unit rumah mampu milik diluluskan oleh Perbadanan PR1MA sehingga Julai 2015, dan Pulau Pinang dikatakan telah menerima jumlah peruntukan rumah mampu milik PR1MA tertinggi, iaitu sebanyak 24,923 unit," ujarnya.

# Segera lulus peruntukan tangani banjir RM997 juta, surat KM kepada PM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak diharap segera meluluskan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) berjumlah RM997 juta untuk projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di negeri Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam suratnya kepada Najib pada 23 Disember lalu memberitahu, jumlah peruntukan itu adalah berdasarkan permohonan yang dibuat oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang.

"Permohonan kelulusan peruntukan ini berjumlah RM997 juta berbanding permohonan sebelum ini berjumlah RM805 juta.

"Pindaan permohonan peruntukan ini adalah berpandukan kepada beberapa pertambahan skop di bawah RTB Lembangan Sungai Pinang dengan mengambil kira kos bagi perobohan struktur sedia ada, pembinaan sistem pemantauan banjir, menaiktaraf terowong air di cabang Sungai Pinang dan pengindahan koridor sungai," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam di sini baru-baru ini.

Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri telahpun berjaya menyelesaikan isu penempatan semula penduduk yang terlibat dalam projek RTB terdahulu, sebagaimana dinyatakan dalam RMK-10.

Justeru, tambahnya, langkah Kerajaan Pusat mempercepat kelulusan peruntukan RTB sebagaimana dinyatakan dalam RMK-11 sekaligus akan membawa faedah kepada penduduk di negeri ini.

"Kerajaan Negeri menghargai keprihatinan Yang Amat Berhormat Datuk Seri di atas kejadian banjir kilat semasa sambutan Hari Raya Haji dan berjanji akan memberikan bantuan.

"Adalah diharapkan bantuan RM997 juta boleh memenuhi hasrat keprihatinan Yang Amat Berhormat Datuk Seri untuk mengatasi masalah banjir kilat di Pulau Pinang," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Dalam perkembangan berkaitan, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo bersama-sama penduduk setempat baru-baru ini melancarkan demonstrasi aman menuntut Kerajaan Pusat meluluskan sekurang-kurangnya RM450 juta untuk projek mengurangkan risiko bencana banjir di sekitar Sungai Pinang.

Semasa itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat berkenaan mendedahkan, Kerajaan Pusat melalui RMK-11 sepatutnya meluluskan peruntukan sebanyak RM805.4 juta untuk melaksanakan tujuh projek Rancangan Pemuliharaan Sungai (ROL) dan RTB.

Selain projek di Sungai Pinang, enam projek lain adalah di Sungai Juru yang menelan belanja RM80 juta, Sungai Jawi (RM40 juta), Sungai Perai (RM35 juta), RTB Bayan Lepas (RM153 juta), RTB Sungai Perai (RM35.4 juta) dan RTB Sungai Kechil (RM12 juta).

# DUN Penanti terima peruntukan RM5.7 juta pembangunan tahun 2015

**PENANTI –** Sebanyak RM5,764,999.29 diperuntukan Kerajaan Negeri pada 2015 bagi kepentingan pembangunan para penduduk di Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Penanti.

Kenyataan tersebut dinyatakan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin semasa memberikan taklimat mengenai Projek Pembangunan Infra Dewan Undangan Negeri (DUN) Penanti di Dewan Badminton Taman Guar Perahu di sini baru-baru ini.

Katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, peruntukan tersebut adalah merupakan usaha berterusan Kerajaan Negeri bagi menyelaras pembangunan bandar dan luar bandar di negeri ini agar ia seiring di seluruh negeri.

“Pelaksanaan pelbagai pembangunan di DUN Penanti membuktikan bahawa Kerajaan Negeri tidak pernah mengabaikan pembangunan di kawasan luar bandar sebagaimana diwar-warkan sesetengah pihak.

“Sebaliknya, Kerajaan Negeri percaya bahawa kawasan luar bandar merupakan nadi kepada sesebuah negeri, terutamanya pada aspek kemasyarakatan, eko-pelancongan, sumber makanan dan pertanian,” katanya pada majlis taklimat berkaitan di sini.

Tambah Afif, daripada jumlah tersebut, sebanyak RM2.4 juta diperuntukkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk menaiktaraf dan menyelenggara jalan, manakala pelaksanaan projek tebatan banjir di bawah seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP), RM451,999.29.

“Bagi projek-projek kepentingan awam seperti penaiktarafan dewan orang ramai, pembinaan jeti, gelanggang futsal, bina baru serta baiki rumah penduduk kurang berkemampuan adalah membabitkan peruntukan bernilai RM1.6 juta.

“Sebanyak RM1.3 juta pula digunakan untuk menaiktaraf Sekolah Agama Guar Jering," ujar beliau.

Mengulas lanjut, Afif memberitahu bahawa, bagi peruntukan tahun 2016, Kerajaan Negeri turut meluluskan cadangan pembinaan dewan serbaguna baru di Taman Guar Perahu yang bakal digunakan sebagai *Penang Science Cafe* sebagaimana diumumkan ADUN Penanti, Dr. Norlela Ariffin sebelum ini.

*(Dari muka surat 2).*

**Senarai Pemenang-pemenang Anugerah JKKK Terbaik Negeri Pulau Pinang 2015**

| BIL. | DAERAH | PEMENANG | JKKK |
|---|---|---|---|
| 1 | Timur Laut | 1. JOHAN<br>2. NAIB JOHAN<br>3. KETIGA | 1. KAMPUNG MELAYU<br>2.LIP SIN<br>3.KAMPUNG BHARU |
| 2 | Barat Daya | 1. JOHAN<br>2. NAIB JOHAN<br>3. KETIGA | 1.GERTAK SANGGUL<br>2.TITI TERAS<br>3.JALAN TENGAH UTARA |
| 3 | Seberang Perai Utara | 1. JOHAN<br>2. NAIB JOHAN<br>3. KETIGA | 1.LAHAR YOOI<br>2.POKOK SENA<br>3.KUBANG MENERONG |
| 4 | Seberang Perai Tengah | 1. JOHAN<br>2. NAIB JOHAN<br>3. KETIGA | 1. KAMPUNG MENGKUANG<br>2. JALAN TENGGIRI<br>3. BUKIT MINYAK |
| 5 | Seberang Perai Selatan | 1. JOHAN<br>2. NAIB JOHAN<br>3. KETIGA | 1.BUKIT PANCHOR<br>2.JAWI<br>3.SUNGAI SETAR |

# Jelas desas-desus tarif elektrik naik - KM

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Pusat digesa untuk memberi penjelasan berhubung desas-desus kenaikan tarif elektrik yang dijadualkan pada tahun 2016.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, secara relatifnya, apabila harga minyak mentah dunia turun, maka tarif elektrik juga turut turun.

“Tetapi, apa yang terjadi, apabila harga minyak mentah dunia turun, Kerajaan Pusat masih gagal untuk menurunkan tarif elektrik.

“Seperti laporan-laporan berita yang menyebut potongan rebat tarif elektrik sebanyak 33 peratus bagi Semenanjung Malaysia, jika ini berlaku, maka pengguna perlu membayar lebih tinggi untuk bil elektrik tahun 2016.

“Ini bukanlah masa yang sesuai untuk menaikkan tarif elektrik, dengan kejatuhan nilai ringgit, pengguna pasti menghadapi masa yang sukar,” katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon serta beberapa barisan Exco Kerajaan Negeri.

Mengulas lanjut, jelasnya, kenaikan tarif elektrik akan menambah beban rakyat yang kini sudah terbeban dengan peningkatan kos sara hidup yang terlalu tinggi.

“Saya menggesa Kerajaan Pusat mahupun KeTTHA (Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air) tampil menjelaskan kepada rakyat berhubung isu berkaitan,” ujarnya.

Pada 8 Oktober 2015, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr. Maximus J. Ongkili mengumumkan pengurangan rebat tarif elektrik di Semenanjung Malaysia yang akan mengakibatkan pengguna perlu membayar lebih RM0.73 bagi setiap kilowatt per jam (kWj) bagi tempoh enam bulan pertama tahun 2016, di Putrajaya.

# *Penang Science Cafe @Heritage* pupuk budaya inovasi belia

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN** – Lebih 10,000 pelajar dijangka memperoleh manfaat hasil inisiatif Kerajaan Negeri di bawah *Penang Science Cluster* (PSC) dalam pemajuan kafe sains terbesar di Pulau Pinang iaitu *Penang Science Cafe @Heritage* di Wisma Yeap Chor Ee di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, inisiatif mewujudkan *Penang Science Cafe @Heritage* adalah bermatlamat untuk memupuk budaya sains dan inovasi dalam kalangan belia terutama pelajar-pelajar di bangku sekolah.

"Projek perintis ini adalah kemuncak kejayaan kerjasama antara Kerajaan Negeri, pemain industri dan rakyat Pulau Pinang, setelah dua tahun berusaha bagi mewujudkan sebuah pusat sains pelbagai fungsi di negeri ini.

"Penubuhannya akan menjadi asas bagi membangunkan lebih banyak bengkel-bengkel amali sains pada masa hadapan dalam memastikan kelestarian penerokaan sains dan inovasi kekal berdaya saing di persada antarabangsa.

"Menerusinya, kita (Kerajaan Negeri) bukan sahaja membangunkan komuniti pintar sains, malah juga mencorakkan masa hadapan negeri Pulau Pinang," katanya pada Majlis Pelancaran Penang Science Cafe @Heritage di sini baru-baru ini.

Turut sama Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey, Ketua Pegawai Eksekutif PSC, Ooi Peng Ee, Naib Presiden Kanan Keysight Technologies, Datuk Gooi Soon Chai serta beberapa pemain industri yang turut menyumbang dalam pembangunan *Penang Science Cafe @Heritage*.

Inisiatif diterajui *Keysight Technologies* tersebut adalah sejajar dengan teras utama PSC iaitu *'Engaging Our Community'* (Penglibatan Komuniti Kita).

Dalam pada itu, Peng Ee ketika ditemui menyatakan bahawa pihaknya kini sedang mempergiatkan jemputan ke sekolah-sekolah untuk menghadiri bengkel amali percuma di sini.

"Kami di PSC sentiasa membayangkan *Penang Science Cafe @Heritage* ini sebagai salah satu bengkel amali komuniti berasaskan STEM iaitu sains, teknologi, kejuruteraan *(engineering)* dan matematik sebagai sokongan kepada proses pendidikan formal.

"Selain mempelajari aplikasi sains secara praktikal, para pelajar yang datang ke sini juga dapat berkongsi minat dan idea inovasi bersama-sama dengan cara menyeronokkan," jelasnya yang turut mengiringi lawatan ke bengkel-bengkel amali di bangunan berkaitan.

*Penang Science Cafe @ Heritage* dibangunkan setelah kejayaan melancarkan kafe prototaip sains serupa di Krystal Point, Bayan Lepas pada 18 April 2014.

Terletak di tingkat bawah bangunan Wisma Yeap Chor Ee yang menjadi bangunan ikonik di Weld Quay, George Town, kafe berkeluasan lebih 13,000 kaki persegi (k.p) tersebut diberikan 'sewa' secara percuma oleh Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

Selain bengkel amali dan interaktif untuk semua peringkat usia, *Penang Science Cafe @ Heritage* juga berfungsi sebagai pusat pameran inovasi dan robotik serta ruang santai sambil menikmati sajian istimewa di sini bersama keluarga.



**KETUA Menteri cuba 'berkomunikasi' dengan robot penyambut tetamu di *Penang Science Cafe @Heritage* pada majlis pelancaran ia di sini baru-baru ini.**



**ANTARA produk inovasi yang dipamerkan.**

# Pusat digesa berterus-terang status TP1M untuk P. Pinang

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Pusat dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) digesa memberi maklum balas segera berhubung status permohonan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) seperti yang dikemukakan sebelum ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, Pusat dan KPKT tidak perlu berdolak-dalik sebaliknya berterus-terang sama ada boleh menyalurkan peruntukan TP1M ke Pulau Pinang ataupun sebaliknya.

"Penting untuk kita (Kerajaan Negeri) tahu. Setakat ini, daripada 144 permohonan yang telah dibuat, hanya 27 sahaja diluluskan dan baki 117 masih tertunggak.

"Ia mustahak memandangkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai tabung Program Bantuan Perumahan Rakyat Pulau Pinang (HAPPY!) yang akan menampung baki bayaran 10 peratus dan 30 peratus yang masing-masing perlu dibayar penduduk bagi penghuni rumah kos rendah (LC) dan kos sederhana rendah (LMC)," ujarnya pada penganjuran Majlis Sumbangan Pakaian Seragam Sekolah bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Datuk Keramat di sini baru-baru ini.

Sebagai rekod, melalui peruntukan di bawah TP1M, Kerajaan Pusat akan membiayai 90 peratus kos penyelenggaraan bagi projek perumahan LC dan projek perumahan LMC (70 peratus).

Justeru, Jagdeep yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat memberitahu, sekiranya semua permohonan tersebut tidak dapat diluluskan Pusat, maka pihaknya akan mencadangkan agar Kerajaan Negeri mempertimbang memindah dana HAPPY! sejumlah RM3 juta yang diperuntukkan di bawah Bajet 2016 ke dalam Tabung Penyelenggaraan Negeri.

"Tidak ada guna dana ini disimpan sekiranya beberapa permohonan di bawah TP1M dari Pulau Pinang masih tertunggak kelulusannya oleh Kerajaan Pusat.

"Lebih baik dana ini dipindahkan ke Tabung Penyelenggaraan Negeri (yang kini berjumlah RM2.8 juta) dengan keseluruhan dana menjadi RM5.8 juta dan wang ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh penghuni LC dan LMC di Pulau Pinang," jelas beliau.

Terdahulu, Jagdeep mendakwa bahawa beliau juga tidak dimaklumkan berhubung mesyuarat TP1M yang berlangsung di antara Timbalan Menteri KPKT, Datuk Halimah Mohamed Sadique bersama-sama barisan Exco Perumahan Kerajaan Negeri seluruh Malaysia baru-baru ini.

"Mesyuarat tersebut sepatutnya berlangsung pada 22 Oktober 2015, tapi telah dibatalkan.

"Saya langsung tidak dimaklumkan mengenai hal ini, walaupun pada asalnya beliau (Halimah) telah menghantar surat (20 Oktober 2015) yang berhasrat untuk berjumpa dengan semua Exco untuk membincang bagaimana menguruskan TP1M dengan lebih baik.

"Sehinggalah saya ternampak *tweet* beliau (Halimah) (2 Disember 2015).

"Walau bagaimanapun, saya akan menulis surat susulan minta penjelasan sama ada mesyuarat tersebut telah dilangsungkan atau belum dan memohon agar satu perjumpaan dengan Exco Pulau Pinang dapat diaturkan. Kita masih mahu bekerjasama untuk mengetahui status TP1M yang sebenar," ujar Jagdeep.



**SALINAN *tweet* bertarikh 2 Disember 2015.**

# PIP ambil kira 'suara' warga Seberang Perai

**GEORGE TOWN –** Rancangan Pelan Induk Pengangkutan Awam Pulau Pinang (PIP) yang kini dalam proses mendapatkan kelulusan berwajib daripada agensi Pusat, perlu juga mendapatkan maklum balas awam daripada penduduk Seberang Perai di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, suara penduduk Seberang Perai Pulau Pinang adalah penting kerana Kerajaan Negeri dalam merancang pelan bagi menangani kesesakan trafik pada masa hadapan yang juga membabitkan kawasan berkaitan.

"Jadi 'suara' mereka (penduduk Seberang Perai) juga penting dan dialu-alukan untuk menyatakan pandangan berhubung pelaksanaan PIP ini.

"Sekiranya mereka (penduduk Seberang Perai) menolak dan tidak bersetuju, maka, PIP tidak akan dilaksanakan," katanya yang juga Ahli Parlimen Bagan selepas merasmikan Majlis Rumah Terbuka Krismas di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Perai di sini pada 20 Disember 2015.

Timbalan Ketua Menteri II merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai, Prof. Dr. P. Ramasamy serta Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani turut berucap pada majlis berkaitan.

Difahamkan, Kerajaan Negeri baru-baru ini memberi kelulusan berwajib kepada Konsortium SRS, selepas rakan penyampai projek (PDP) tersebut membentangkan skim pengangkutan awam atas landasan dan skim pemajuan lebuh raya secara bersepadu, yang meliputi bahagian pulau dan bahagian Seberang Perai.

Kelulusan itu membolehkan PDP memulakan rundingan serta mendapatkan kelulusan PIP berwajib daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) di bawah Kerajaan Pusat.

Skim pengangkutan awam atas landasan (*railway scheme*) terdiri oleh satu jajaran transit aliran ringan (LRT) serta dua monorail di bahagian pulau, serta satu LRT lain merentasi laut ke tanah besar Seberang Perai.

Skim tersebut juga terdiri oleh satu lagi jajaran monorel serta mewujudkan sistem bas transit rapid (BRT) di Seberang Perai.

Satu lagi skim adalah mengenai pemajuan beberapa jajaran lebuh raya secara bersepadu (*highway scheme*) di bahagian pulau ke Seberang Perai, demi menangani kesesakan trafik kenderaan pada waktu puncak.

Manakala, *island link* pula adalah satu lagi projek yang diutamakan oleh Kerajaan Negeri, sama seperti jajaran LRT Komtar - Bayan Lepas.

# 1,000 tukun tiruan harap tambah populasi hidupan laut

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BUKIT TAMBUN –** Sebanyak 1,000 tukun tiruan yang diturunkan ke perairan berhampiran Pulau Kendi dan Pulau Aman diharap menambahkan lagi populasi hidupan laut di sini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr Afif Bahardin berkata, kos projek kelestarian habitat laut tersebut menelan belanja RM393,900, daripada sumber peruntukan bagi tahun 2015.

"500 tukun tiruan ini diturunkan di (perairan) Pulau Aman dan baki 500 lagi di Pulau Kendi... ini bajet tahun ini.

"Dengan tukun-tukun tiruan ini, kita (Kerajaan Negeri) harap dapat menambah lagi populasi ikan, yang akhirnya akan menambah kepada jumlah tangkapan para nelayan di kawasan ini," ujarnya pada Majlis Melabuhkan Tukun Tiruan di Pulau Kendi dan Pulau Aman Tahun 2015 di sini baru-baru ini.



DR. Afif Bahardin (berbaju putih) menyaksikan kerja-kerja menurunkan tukun-tukun tiruan di perairan berhampiran Pulau Kendi pada majlis melabuhkan ia di sini baru-baru ini.



RUPA bentuk tukun tiruan yang dilabuhkan di Pulau Aman dan Pulau Kendi.

Turut hadir, Pengurus Besar Persatuan Nelayan Pulau Pinang (Pan-Mutiara), Aziz Sabdin.

Dalam pada itu, menurut Aziz, inisiatif Kerajaan Negeri tersebut akan memberi manfaat kepada kira-kira 10,000 nelayan pantai di negeri ini.

"Lebih kurang 10,000 nelayan yang terlibat, akan beroleh faedah.

"Kita (Pan-Mutiara) ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang prihatin pada kebajikan para nelayan, dan pada masa sama membina tukun-tukun tiruan untuk membiakkan ikan-ikan di perairan ini," kata beliau.

## BAHAGIAN PERUMAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG.
## SENARAI LOT-LOT BUMIPUTERA UNTUK DIJUAL

| BIL | NAMA PEMAJU | LOKASI | NAMA PROJEK | JENIS PEMAJUAN | HARGA SEUNIT | HARGA SELEPAS POTONGAN 5% | BAKI UNIT KUOTA BUMIPUTERA | PEGAWAI PERHUBUNGAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **Zuwen Bina Sdn. Bhd.**<br>No. 86, 2nd Floor, Lorong Kota Permai 11,<br>Taman Kota Permai<br>14000 Bukit Mertajam<br>No. Tel : 04-5383388<br>No. Fax : 04-5386388 | Di Atas Lot 30188 (Sebahagian Lot Lama 1383), Mukim 14<br>Medan Kota Permai 6<br>Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah. | Taman Kota Permai 2 Fasa 3 | Rumah Berkembar 3 Tingkat | RM888,000.00 | RM843,600.00 | 4 | - |
| 2. | **Tamarins Penthose Sdn. Bhd.**<br>105-7-13, Hexagon Tech Park,<br>Jalan Gurdwara<br>10300 Penang<br>No. Tel : 04-5102199<br>No. Fax : 04-48733641 | Di Atas Lot 10005 (Lot Lama 2626 & 2627)<br>Seksyen 1, Bandar Tanjong Tokong<br>Jalan Bungai Hinai<br>Daerah Timor Laut, Penang. | The Penthouse | Pangsapuri | RM3,500,000.00 - RM3,800,000.00 | RM3,325,000.00 - RM3,610,000.00 | 7 | Koay Siew Ban |
| 3. | **Great Marvel Sdn. Bhd**<br>65, Sri Bahari Road<br>10050 Penang<br>No. Tel : 04-2644993<br>No. Fax : 04-2645122 | Di Atas Lot 461, Mukim 14,<br>Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan<br>Pulau Pinang. | SA 65 Taman Perdana | Rumah Sesebuah 3 Tingkat<br><br>Rumah Berkembar 3 Tingkat | RM1,388,000.00<br><br>RM668,000.00 - RM718,000.00 | RM1,318,600.00<br><br>RM634,600.00 - RM682,100.00 | 2<br><br>6 | - |
| 4. | **TF Land Sdn Bhd**<br>12A.03 Menara Boustead Penang<br>39, Jalan Sultan Ahmad Shah,<br>10050 Penang<br>No. Tel : 04-2272858<br>No. Fax : 04-2272861 | Di Atas Lot 15966 – 16004, Mukim 15<br>Jalan Machang Bubok<br>Seberang Perai Tengah ,<br>Pulau Pinang. | Taman Machang Bubok | Kedai/Pejabat 2 Tingkat | RM486,514.00 - RM917,286.00 | RM462,188.30 - RM871,421.70 | 11 | Tan Kiah Theam |

# Basmi Aedes, laksana gotong-royong bersih kawasan sekitar - Exco

**AIR ITAM** – Sehingga minggu ke-50 iaitu dari 1 Januari hingga 19 Disember 2015, terdapat sejumlah 19 kes kematian dilaporkan akibat denggi di Pulau Pinang berbanding tujuh kematian bagi tempoh sama tahun 2014.

Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, kes terkini adalah membabitkan seorang remaja berusia 16 tahun dari Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya.

"Statistik ini adalah agak membimbangkan kerana daripada pemantauan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), sebanyak 21,452 kes denggi dilaporkan di seluruh negara melibatkan mereka yang berumur antara 7 hingga 17 tahun.

"Malah, statistik kes demam denggi di Pulau Pinang juga meningkat iaitu dari 2,558 kes pada 2014 ke 5,430 kes (Januari hingga 19 Disember 2015).

"Begitu juga lokaliti wabak yang masih aktif, di Pulau Pinang sahaja, terdapat 40 lokaliti tidak termasuk enam *hotspot* sebagaimana dilaporkan KKM," katanya kepada pemberita selepas melawat keluarga mangsa yang meninggal dunia akibat demam denggi, M. Subramaniam, 63, di Bandar Baru Air Itam dekat sini, baru-baru ini.

Turut sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin dan Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh serta beberapa pegawai dari Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP).

Pada lawatan tersebut, Guan Eng mewakili Kerajaan Negeri menyerahkan sejumlah RM500 sumbangan kepada isteri mendiang, M. Muthatha, 59.

Mendiang yang bekerja sebagai pengawal keselamatan mengalami demam berpanjangan sejak 29 November lalu dan disahkan meninggal dunia pada 6 Disember 2015.

Afif yang juga ADUN Seberang Jaya, dalam pada itu, menyarankan semua pihak termasuk sekolah supaya melaksanakan gotong-royong bagi membersihkan kawasan persekitaran agar bebas lokasi pembiakan nyamuk Aedes.



**KETUA** Menteri menyampaikan sumbangan kepada M. Muthatha (depan, dua dari kiri) di kediaman mangsa di Air Itam. Turut kelihatan Dr. Afif Bahardin (depan, kiri sekali) dan Ramkarpal Singh (depan, dua dari kanan).

"Kerajaan Negeri amat bimbang dengan situasi denggi di negeri ini dan kita (Kerajaan Negeri) akan menggiatkan lagi kempen-kempen kesedaran dan aktiviti gotong-royong secara konsisten terutama di lokaliti wabak yang masih aktif di Pulau Pinang," ujar beliau.

# Perbincangan pemulihan projek Majestic Heights Fasa 2B & 3A dijangka Jan. 2016 - Exco

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



**JAGDEEP** Singh Deo (tengah), Yeoh Soon Hin (tiga dari kanan), Ramkarpal Singh (tiga dari kiri) dan wakil-wakil pemaju bergambar kenangan berlatarbelakangkan bangunan projek Majestic Heights Fasa 2A, Taman Paya Terubong di sini baru-baru ini.

**PAYA TERUBONG** – Projek perumahan Majestic Heights Fasa 2A, Taman Paya Terubong yang terbengkalai sejak 1998 dijangka siap menjelang Ogos 2016, iaitu lebih awal daripada tempoh dijangkakan pada Januari 2017.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, kerja-kerja pemulihan projek tersebut bermula pada Julai lalu (2015) dan sekiranya mengikut jadual asal, ia hanya akan siap sepenuhnya pada Januari 2017, iaitu membabitkan tempoh masa kira-kira 18 bulan.

"Bagaimanapun, pihak Kerajaan Negeri dimaklumkan bahawa proses penyiapan kini telah mencapai tahap 35 peratus lebih awal berbanding kemajuan berjadual sebanyak 22 peratus.

"Justeru, diharap ia (projek) bakal memperoleh Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) pada Ogos 2016 bagi membolehkan pembeli yang telah menunggu sekian lama memperoleh kunci kependudukan masing-masing," katanya pada majlis sidang media selepas mengadakan lawatan ke tapak projek di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh dan wakil-wakil pihak pemaju.

Projek Majestic Heights Fasa 2A terbengkalai sejak tahun 1998 sejurus selepas fasa pertama siap. Secara fizikalnya, ia telah siap 70 peratus sebelum terbengkalai sehinggalah hasil dari inisiatif Kerajaan Negeri, syarikat PLB Land Sdn. Bhd. dilantik bagi menyiapkan baki 30 peratus projek berkaitan bagi kepentingan para pembeli berkaitan.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu bahawa Kerajaan Negeri akan mengadakan perbincangan dengan pihak pemaju berhubung isu pemulihan semula projek Majestic Heights Fasa 2B dan 3A pada Januari 2016.

"Kita juga akan cuba membantu 542 pembeli bagi Fasa 2B dan Fasa 3A (558) yang terbengkalai pada peringkat awal pelaksanaan projek," jelas beliau.

# KM mahu pelancong sedunia 'kenang' tandas bersih di P. Pinang



**BARISAN** johan semua kategori Pertandingan Tandas Bersih 2015 Peringkat Negeri Pulau Pinang merakamkan gambar bersama, selepas acara penyampaian hadiah penghargaan di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** – Selepas George Town diiktiraf di kedudukan keempat sebagai 10 bandar paling berkarismatik untuk dikunjungi pada 2016 dalam senarai portal antarabangsa popular, *Lonely Planet* beberapa bulan lalu, Ketua Menteri berharap usaha Kerajaan Negeri mewujudkan kondisi tandas bersih di negeri ini akan turut dikenang oleh pelancong Pulau Pinang kelak.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya berkata, beliau sendiri pernah mendapat maklum balas daripada seorang pelancong tempatan yang pernah menggunakan tandas awam Pasar Air Itam, dalam satu program di Johor Bharu baru-baru ini.

"Saya ada bertanya pernah sampai ke Bukit Bendera, dia berkata dia masih tidak boleh lupa tentang kebersihan tandas awam di Pasar Awam Air Itam itu.

"Kita (rakyat) perlu ingat, sekiranya Pulau Pinang ingin berjaya menjadi sebuah negeri yang bertaraf antarabangsa dan pintar, maka taraf tandas juga mesti bertaraf antarabangsa," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih semasa merasmikan Majlis Sambutan Hari Tandas Sedunia 2015 di Dewan Bandaran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di sini baru-baru ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan merangkap ADUN Seberang Jaya), Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti merangkap ADUN Bagan Jermal), Dato' Maktar Shapee (Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri merangkap ADUN Sungai Bakap) dan Dato' Maimunah Mohd. Sharif (Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) turut hadir pada majlis tersebut.

Sebelum itu, Kon Yeow memberitahu bahawa Pulau Pinang mungkin merupakan satu-satunya negeri yang konsisten menyambut sambutan Hari Tandas Sedunia tiap-tiap tahun, sebagaimana disyorkan oleh *World Toilet Organization* (WTO) pada tanggal 19 November.

"Kita (Kerajaan Negeri) mahu mewujudkan Pulau Pinang Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat, dengan 'Tandas Bersih, Rakyat Selesa dan Pulau Pinang Sejahtera' dikekalkan sebagai tema (peringkat) negeri.

"Itulah sebabnya Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih meneruskan sambutan Hari Tandas Sedunia serta mengadakan beberapa kategori pertandingan tandas terbersih sehingga sekarang," jelasnya yang juga ADUN Padang Kota.

Justeru, Guan Eng dan Kon Yeow masing-masing merakamkan penghargaan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang dan Quality Restroom Association of Malaysia (Q-RAM) Pulau Pinang kerana banyak membantu Kerajaan Negeri dalam menjayakan kempen serta pertandingan tandas bersih peringkat negeri.

Pertandingan kali ini menyaksikan tandas awam Kompleks Makanan Taman Sentosa dipilih sebagai johan Kategori Pihak Berkuasa Tempatan, Petron ISM Retail (Kategori Stesen Minyak), A Tu Z Wedding House Sdn. Bhd. (Kategori Kedai Makan), Vino Nino Bistro (Kategori Restoran), Gurney Plaza (Kategori Pasaraya), Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Bukit Mertajam (Kategori Sekolah Menengah), Sekolah Kebangsaan Bertam Perdana (Kategori Sekolah Rendah) dan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang (Kategori Jabatan Kerajaan).

# Seberang Perai destinasi eko-pelancongan, simbol komitmen KN

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA –** Seberang Perai seperti kawasan hutan paya laut Kuala Bekah dekat Penaga sangat berpotensi dijadikan salah satu destinasi eko-pelancongan di rantau ini kerana dikunjung kira-kira 100 spesies burung hijrah *(migratory bird)* selama enam bulan tiap-tiap tahun.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya berharap Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) supaya terus meneroka serta membangunkan potensi sektor eko-pelancongan di ketiga-tiga daerah Seberang Perai, biar seiringan dengan kedudukan George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO.

"Jika Bandaraya George Town dikenali dengan berbagai-bagai warisan tak ketara dan lebih penting adalah warisan ketara seperti monumen dan bangunan-bangunan tinggalan sejarah era kolonialisme, kita (Kerajaan Negeri) harap Seberang Perai suatu hari nanti dikenali sebagai destinasi eko-pelancongan paling menarik, khususnya bagi pencinta burung hijrah.

"Ini merupakan satu lagi simbol komitmen Kerajaan Negeri hari ini untuk pembangunan masa depan Seberang Perai seiringan dengan pulau (Bandaraya George Town), iaitu sesuatu yang tidak dilakukan oleh Kerajaan Negeri atau Pusat sebelum ini (sebelum tahun 2008)," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif, Harun Pilus (Pengarah Tourism Malaysia Pulau Pinang), Tan Coo Eng (Pengarah Malaysia Nature Society, Cawangan Pulau Pinang) dan Dr. Foong Swee Yeok (Pensyarah Pusat Pengajian Sains Kaji Hayat, Universiti Sains Malaysia) turut sertai Forum Potensi Eko-Pelancongan Seberang Perai tersebut.

Selain di Kuala Bekah, *New Recreation Park Byram Estate* dekat Seberang Perai Selatan (SPS) serta Hutan Pelajaran Air Itam Dalam dekat Lahar Yooi, Teluk Air Tawar dan Pantai Kuala Muda juga adalah destinasi eko-pelancongan yang seringkali dikunjungi pelancong asing dan tempatan.

"Kawasan-kawasan ini juga menjadi destinasi persinggahan untuk beribu-ribu ekor burung yang terdiri dari beratus-ratus spesies pada setiap tahun.

"Pemerhati burung dari Jepun dan Korea juga sering melawat tempat-tempat ini untuk aktiviti memerhati burung," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.




**MAIMUNAH Mohd. Sharif (kiri sekali) bersama-sama Ahli Majlis MPSP, P. David Marshel (kanan sekali) meneliti bahan-bahan pameran yang dipamerkan pada penganjuran Forum Potensi Eko-Pelancongan Seberang Perai di sini baru-baru ini.**

Guan Eng memberitahu, hasrat Kerajaan Negeri membangunkan industri eko-pelancongan bukan sahaja selari dengan hasrat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), malah sekaligus memulihara semula kemampanan flora dan fauna di negeri ini.

Jelasnya, pada tahun 2013, difahamkan, PBB antaranya meluluskan satu resolusi yang mengiktiraf peranan sektor eko-pelancongan dalam membasmi kemiskinan setempat serta memelihara alam sekitar.

Bercakap di pentas sama, Maimunah memberitahu bahawa MPSP sehingga kini telah menerbitkan peta pelancong, *heritage trail* dan *coffee table book* demi menonjolkan potensi Seberang Perai sebagai bandar pelancongan masa depan untuk Pulau Pinang.

"Dalam terbitan-terbitan komersial itu, dimuatkan 10 kawasan sekitar Seberang Perai Utara (SPU) yang mempunyai potensi eko-pelancongan, iaitu di Pantai Bagan Ajam, Pantai Molek (lebih dikenali sebagai Pantai Robina, Taman Rekreasi Teluk Air Tawar, Pantai Bersih, Kuala Bekah, Kuala Penaga, Sungai Muda Sanctuary Park, Taman Rekreasi Pantai Kamloon, Bertam Vision Park serta Pusat Rekreasi Hutan Pelajaran Air Itam Dalam," kata beliau.

Dalam pada itu, Maimunah memberitahu, pihaknya turut mengkaji potensi Pulau Aman dekat Seberang Perai Tengah (SPT) untuk diwajahkan semula sebagai destinasi eko-pelancongan negeri.

# KM mahu warisan tidak ketara negeri dilindungi

**GEORGE TOWN –** Warisan tidak ketara di Pulau Pinang perlu dilindungi dengan suatu undang-undang, sungguhpun Bandaraya George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO sehingga kini terus dihambat oleh pembangunan pelancongan serta arus kemodenan yang pelbagai.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya berkata, langkah gentrifikasi atau proses penghunian semula kawasan perumahan dalam bandar disebabkan faktor pembangunan seharusnya turut memelihara kepentingan awam daripada segi budaya serta sosial penduduk asal di kawasan-kawasan berwajib tersebut.

"Walaupun pengiktirafan dan pendapatan global meningkat, terdapat juga risiko lain di Tapak Warisan Dunia UNESCO, dengan (mengadakan) undang-undang perlindungan terbaik (di kawasan warisan)

"Gentrifikasi wajar dipercepatkan (kerana) kebangkitan budaya sebagai komoditi serta kehilangan warisan tidak ketara adalah cabaran serius, yang mengancam untuk melemahkan nilai-nilai unggul di bandar raya (George Town)," ucapnya pada Majlis Perasmian Persidangan Pengharmonian Tindakan UNESCO Mengurangkan Risiko Bagi Warisan Budaya Asia dan Rantau Pasifik di sini baru-baru ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan Pengarah agensi persekutuan Think City, Ar. Laurence Loh turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Pesuruhjaya Warisan di Jabatan Warisan Kebangsaan, Dr. Zainah Ibrahim, Giovanni Boccardi (Pengarah Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu, UNESCO), Dr. Neil Khor (Ketua Pegawai Operasi Think City) dan Richard Engelhardt (tetamu khas persidangan).

Menurut Guan Eng, warisan tidak ketara di Pulau Pinang yang wajar dipertahankan antaranya termasuk cerita-cerita neratif mengenai keunikan budaya setempat serta pengaruh-pengaruh daripada era kolonialisme dahulu, bukan terbatas pada struktur fizikal bangunan-bangunan warisan di negeri ini sahaja.

Tambahnya, pewartaan George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO tanpa suatu perundangan khusus masih belum boleh menjamin langkah pemeliharaan warisan tidak ketara



**KETUA Menteri ketika menyampaikan ucaptama pada Persidangan Pengharmonian Tindakan UNESCO Mengurangkan Risiko Bagi Warisan Budaya Asia dan Rantau Pasifik di sini baru-baru ini.**

yang begitu unggul di negeri ini, khususnya di pusat bandar berkenaan.

Selain itu, Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam memberitahu, Pulau Pinang turut memerlukan peruntukan berwajib untuk menangani bencana alam, seperti banjir, namun mestilah tidak sampai pada merosakkan kawasan-kawasan yang mempunyai nilai warisan di negeri ini.

"Saya rasa projek tebatan banjir dan kesiapsiagaan adalah antara elemen yang paling penting.

"Kesediaan memberi tumpuan kepada menyediakan kelengkapan dan prosedur untuk digunakan apabila bencana berlaku," jelasnya.

Justeru, beliau berharap Think City dapat terus saling bekerjasama dengan beberapa agensi negeri, seperti *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI), *Penang Global Tourism* (PGT) serta *Penang Institute* (PI) dalam membangunkan sektor warisan tidak ketara di negeri ini.

# 10 peranti AED di lokasi awam, bantu mangsa serangan jantung

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri bakal memasang 10 unit peranti *Automated External Defibrillator* atau AED di lokasi-lokasi awam terpilih di negeri ini bagi membantu menyelamatkan nyawa individu yang mengalami serangan jantung atau *cardiac arrest*.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri membelanjakan sejumlah RM41,340 bagi menjayakan projek pemasangan AED secara berperingkat di 10 lokasi awam terpilih di bawah inisiatif program '*Penang Heart Safe*'.

"Langkah terbaik untuk membantu mangsa serangan jantung adalah melalui kaedah CPR *(cardiopulmonary resuscitation* atau bantuan pernafasan) dan juga AED.

"Oleh itu, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif memasang 10 unit AED secara berperingkat di setiap kawasan awam terpilih di Pulau Pinang bagi membolehkan orang ramai menggunakan AED yang boleh membantu menyelamatkan nyawa," katanya pada Majlis Pelancaran Alat AED bersempena Program Penang Heart Safe di Komtar baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Ketua Polis Negeri, Datuk Seri Abdul Rahim Hanafi; Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner (ACP) Mior Faridalathrash Wahid dan beberapa barisan Exco dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

Dalam pada itu, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin ketika ditemui memberitahu, sebagai permulaan, lima unit AED akan dipasang di bahagian pulau manakala baki lima peranti, Seberang Perai.

"Antara tempat-tempat yang dikenal pasti sebagai lokasi berpotensi termasuklah Taman Botani, Taman Perbandaran, Persiaran Gurney, Persiaran Padang Kota Lama, Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan dua kompleks sukan di Jalan Betik, Seberang Jaya dan Bertam.

"Peratusan mereka yang terselamat akibat serangan jantung hanya 1 peratus atau kurang. Persoalannya, mampukah kita menyelamatkan mangsa dalam tempoh 10 minit kerana jika lebih 10 minit, peluang pesakit mati secara mengejut adalah tinggi," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Mengulas lanjut, Afif menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan terus mempergiatkan program-program pendidikan dan latihan berhubung rawatan kecemasan teknikal penggunaan AED kepada umum.

"Pastinya, sasaran kita (Kerajaan Negeri) adalah untuk mengurangkan risiko serangan jantung melalui aktiviti-aktiviti sihat seperti bersenam dan mengamalkan pemakanan seimbang.

"Tetapi, dalam masa sama, masyarakat juga perlu didedahkan dengan rawatan kecemasan teknikal bagi membantu menyelamatkan nyawa pesakit," ujar beliau.



DEMONSTRASI latihan teknikal penggunaan AED.




KETUA Menteri sambil diiringi Mohd. Rashid Hasnon (kanan sekali) dan Dr. Afif Bahardin menunjukkan peranti AED pada majlis pelancarannya bersempena Program Penang Heart Safe di sini baru-baru ini.

# Pensyarah juara pertandingan seni lukis terbuka P. Pinang

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Pensyarah, Mohamad Rizal Sale dinobatkan juara Pertandingan Seni Lukis Terbuka Pulau Pinang 2015 bertemakan 'Harapan' anjuran Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang (BSLNPP) sempena sambutan Ulang Tahun Ke-50 Muzium Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Beliau ketika ditemui Buletin Mutiara memberitahu bahawa karyanya bertajuk, *Seeds-Time Capsules of Life* membawa maksud bahawa satu biji benih yang baik sekiranya disemai serta dijaga dengan elok, pastinya akan membuahkan hasil (yang) baik pada masa depan.

Malah, jelas beliau, simbolik objek bantal yang turut digunakan membawa maksud bahawa pengertian tersebut tidak hanya terhad kepada biji benih, sebaliknya manusia yang mana bayi baru dilahirkan sekiranya diasuh serta dididik dengan baik bakal menjadi manusia berguna.



MOHAMAD Rizal Salleh bergambar kenangan bersama-sama karya beliau.

"Saya menggunakan bahan-bahan seperti seramik, dawai, besi dan bantal untuk menghasilkan karya-karya ini.

"Ia memang amat sukar kerana pemprosesannya yang rumit" katanya di sini baru-baru ini.

Kejuaraan Mohamad Rizal yang berjaya mengalahkan 173 pencalonan karya seni berasaskan lukisan, arca, instalasi dan video membolehkan beliau membawa pulang hadiah bernilai RM8,000.

Hadir sama pada pameran berkaitan, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari, Pengerusi Jawatankuasa Penganjur merangkap kurator Muzium Pulau Pinang, Haryany Mohamad dan ketua juri pertandingan, Prof. Madya Hasnul Jamal Saidon.

Selain hadiah utama, empat pemenang lain masing-masing turut membawa pulang hadiah bernilai RM5,000 dan tiga pemenang saguhati (masing-masing RM1,000).

Dalam pada itu, menurut Haryany, selain Hasnul selaku ketua juri, juri-juri lain adalah Mohamad Majidi Amir (Kurator Kanan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara), Mohd. Nasir Baharuddin (artis dan pensyarah) dan Koay Soo Kau (Pemilik Galeri Seni Mutiara).

Sementara itu, pada Majlis Penutup Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Muzium Pulau Pinang, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir sebagai tetamu kehormat memberitahu bahawa adalah penting bagi BSLNPP menambahkan karya serta koleksi artis-artis tempatan dan antarabangsa agar ia setanding dengan galeri-galeri awam serta swasta lain.



ZAIRIL Khir Johari (duduk) menurunkan tandatangan pada salah satu karya seni pada pameran yang diadakan sempena penganjuran Pertandingan Seni Lukis Terbuka Pulau Pinang 2015 di sini baru-baru ini.

# Tepis stigma, beri peluang OKU serlah keupayaan, seru ADUN

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN** – Serlahkan keupayaan dan hargai kemahiran golongan orang kurang upaya (OKU) merupakan antara mesej ampuh yang perlu disampaikan kepada seluruh masyarakat, kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey pada Majlis Peluncuran Pameran Special Hand: Empowering Abilities di sini baru-baru ini.

Katanya, dari sudut intelektual, OKU mungkin mempunyai pemikiran tidak seiring dengan usia mereka memandangkan golongan tersebut dipercayai paling sukar 'difahami' disebabkan masalah komunikasi yang dihadapi.

"Namun, dari segi keupayaan, kebolehan dan kemahiran yang dimiliki, sama ada secara latihan atau semulajadi, ia mampu menyerlahkan potensi OKU untuk menjalankan tugas dengan baik.

"Saya percaya, malah Kerajaan Negeri juga yakin bahawa golongan ini mampu menjadi penyumbang terhadap pembangunan negeri sekaligus mentransformasikan status OKU dari liabiliti (kebergantungan) ke produktiviti," ucap beliau.



**ANIZA Mohd. Ismail menunjukkan karya beliau, *'Flower Baby'*.**

Hadir sama, Pengerusi Think City Sdn. Bhd. (Think City), Datuk Dr. Anwar Fazal, Ketua Pegawai Eksekutif Asia Community Service (ACS) Stepping Stone Work Centre, Khor Aina dan Pengerusi ACS Stepping Stone Work Centre, Datuk Gillian Teh.

Menurut Soo Huey, sungguhpun peluang dan ruang terhadap golongan OKU adalah amat terbatas, masyarakat khususnya perlu merubah sikap dengan memberi fokus terhadap keupayaan golongan berkaitan dan bukannya ketidakupayaan mereka.

"Kita perlu menepis stigma masyarakat terhadap 41,000 OKU berdaftar dan memberi peluang kepada mereka untuk menyerlahkan keupayaan masing-masing.

"Oleh itu, saya sarankan agar lebih banyak program mahupun aktiviti seperti forum, seminar serta bengkel dianjurkan untuk memberi kesedaran bagi menonjolkan kebolehan mereka dengan keperluan khas ini," jelas beliau.

Bertemakan *"Inclusion Matters: Access and Empowerment for People of All Abilities"*, pameran yang diadakan selama sebulan tersebut berjaya menarik pengunjung dari pelbagai latar belakang termasuk dari Australia, United Kingdom, Jepun dan Jerman untuk menyertai forum, bengkel interaktif serta ceramah yang diadakan.




**SEORANG pelatih ACS Stepping Stone Work Centre, Mariam Ismail menunjukkan kebolehan menenun pada Majlis Peluncuran Pameran Special Hand: Empowering Abilities di sini baru-baru ini.**

Selain itu, hasil karya seni OKU juga dilelong, antaranya, lukisan *'Flower Baby'* oleh Aniza Mohd. Ismail, seorang artis dan juga pelatih *ACS Stepping Stone Work Centre* di Balik Pulau.

Pameran yang dianjurkan secara bersama oleh *ACS Stepping Stone Work Centre* dan Think City berkenaan diadakan sempena sambutan Hari Orang Kurang Upaya Antarabangsa yang disambut pada 3 Disember setiap tahun sejak tahun 1992.

# Program Santai Rakyat dekatkan pemimpin, komuniti

**PENANTI** – Siri-siri Program Santai Rakyat yang dianjurkan sepanjang tahun lalu, dengan meliputi kelima-lima daerah adalah bagi membolehkan para pemimpin negeri terus mendekati komuniti setempat.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata demikian semasa merasmikan Program Santai Rakyat Peringkat Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) di Padang Homestay Mengkuang Titi di sini baru-baru ini.

"Semua program yang dianjurkan benar-benar santai, kerana komuniti mahu program santai sebegini di sini.

"Tujuan program ini diadakan antara lain supaya pemimpin boleh saling berinteraksi dengan rakyat setempat di sini, mengenai rancangan pembangunan yang dilaksanakan di negeri ini," katanya pada majlis berkaitan.

Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat tersebut turut memberi penjelasan mengenai rancangan pembangunan yang telah dilaksanakan serta akan diusahakan oleh Kerajaan Negeri bagi kawasan Parlimen Permatang Pauh, khususnya di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Penanti.

Hadir sama, Pegawai Daerah SPT, Zulkifli Long serta Zainal Abidin Saad (Pegawai Khas bagi Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail).

Seawal jam 8.00 pagi lagi, lebih 20 wanita menyertai senamrobik dan tarian zumba di sini.

Turut dilangsungkan, pelbagai acara sukan rakyat lain, antaranya, lari dalam guni, sambut belon berair, berbasikal lambat, boling padang, tarik tali, pertandingan mewarna, ukiran buah tembikai dan menggubah bunga.

Pasukan Bomba dan Penyelamat (Bomba), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Perpustakaan Pulau Pinang, gabungan Klinik-klinik Kesihatan SPT antara agensi kerajaan yang mengadakan pameran di sini.

Bersempena penganjuran berkaitan, seekor lembu turut 'ditumbangkan' untuk kenduri rakyat, dengan dimasak secara gotong-royong.



**MOHD. Rashid Hasnon (barisan depan, empat dari kanan) menyampaikan sijil penghargaan kepada salah sebuah pasukan keselamatan yang mengambil bahagian dalam penganjuran Program Santai Rakyat Peringkat Daerah SPT di sini baru-baru ini.**



**ACARA 'sambut belon air ' yang turut mencuri tumpuan.**

# Ucapan perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2016 peringkat Jawatankuasa Kementerian Pendidikan Tinggi

Oleh : **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Pengarah Eksekutif Penang Institute**

**Tuan pengerusi,**

**AKTA** Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah diperkenalkan pada tahun 1997 bagi menyokong permintaan mendadak untuk pengajian tinggi, terutamanya dalam sektor institusi pengajian tinggi swasta (IPTS). Dengan ketersediaan pinjaman PTPTN, maka pendaftaran universiti pun telah berganda daripada 58,286 pada tahun 1990 kepada beratus-ratus ribu pada hari ini..

Walaupun PTPTN telah memudahkan akses kepada pengajian tinggi dan membolehkan ratusan ribu anak muda melanjutkan pengajian mereka, namun ia dibelenggui dua masalah besar, iaitu kadar bayaran balik pinjaman PTPTN yang rendah, serta percambahan IPTS yang tidak berkualiti dan gagal memberi penuntutnya pendidikan dan kemahiran yang diperlukan oleh pasaran kerja.

**Kadar bayaran balik yang rendah**

**Tuan pengerusi,**

Berdasarkan jawapan Parlimen yang saya terima, sehingga 30 September 2015, jumlah keseluruhan bayaran balik PTPTN yang diterima adalah sebanyak RM6.71 bilion (45.8%) berbanding bayaran balik sebenar yang perlu diterima, iaitu RM14.65 bilion. Daripada 1,792,919 peminjam, hanya 1,185,077 orang telah membuat bayaran balik. Ini bermaksud seramai 607,842 peminjam masih gagal membuat bayaran balik, lantas mengakibatkan tunggakan berjumlah RM4.97 bilion.

Masalah kadar pembayaran balik pinjaman PTPTN yang rendah ini sebenarnya tidak menghairankan. Ini disebabkan beberapa faktor. Pertama, kita tidak boleh menafikan bahawa terdapat sikap mengambil ringan pinjaman daripada Kerajaan. Saya yakin, jika orang mengambil pinjaman daripada bank, mereka tidak akan menzahirkan sikap yang sama.

Kedua, sememangnya terdapat ramai graduan yang tidak mampu membayar balik. Hakikatnya, iklim ekonomi negara kita masih belum kembali kepada zaman pra-1997. Kegagalan negara untuk mencapai KDNK sekurang-kurangnya tujuh peratus setahun sebagaimana yang dicatat pada awal tahun 1990-an telah memberi kesan terhadap pasaran kerja dan guna tenaga negara.

Kini, Malaysia berdepan dengan masalah pengangguran dan guna tenaga tidak penuh *(underemployment)* yang agak menggusarkan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Sri Abdul Wahid Omar) pada bulan Mei yang lalu, daripada 400,000 orang penganggur di negara ini, 161,000 daripadanya merupakan siswazah.

Saya tahu Kementerian sudah pun mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan prestasi bayaran balik pinjaman PTPTN, antaranya mempelbagaikan saluran bayaran balik, mengeluarkan surat arahan bayaran balik, mengambil tindakan undang-undang termasuk saman, mewajibkan potongan gaji ke atas kakitangan awam, menahan peminjam ingkar daripada keluar negara dan menyenarai nama mereka dalam CCRIS.

Langkah-langkah ini adalah baik, namun saya ingin mencadangkan beberapa lagi pembaharuan yang dapat bukan sahaja meningkatkan kadar pembayaran balik tetapi juga meringankan beban peminjam dan memperbaiki kualiti pendidikan di institusi pengajian tinggi (IPT) kita.

**Pembayaran balik berdasarkan pendapatan**

**Tuan pengerusi,**

Ketika ini, PTPTN menggunakan kaedah pinjaman perumahan *(mortgage-type loan)*, di mana kadar faedah, tempoh pembayaran, dan kadar bayaran bulanan adalah tetap. Skim ini menjadi beban yang besar kepada graduan. Misalnya, jika seseorang graduan itu bergaji RM2,000 sebulan, kadar bayaran bulanan sebanyak RM200 pun sudah mencecah 10 peratus daripada pendapatan, dan ini belum mengambil kira komitmen lain seperti KWSP, sewa, hutang kenderaan, bil telefon dan sebagainya. Saya percaya ini adalah antara punca utama mengapa kadar pembayaran balik pinjaman PTPTN adalah begitu rendah. Dalam erti kata lain, kegagalan bayaran balik pinjaman yang beleluasa dalam kalangan graduan bukan semata-mata berpunca daripada sikap culas mereka, tetapi daripada hakikat bahawa mereka tidak mampu membayarnya.

Maka, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian untuk mempertimbangkan kaedah pembayaran balik berdasarkan pendapatan *(income-contingent repayment)*, di mana kadar bayaran balik bergantung kepada pendapatan peminjam. Ini bermaksud lagi tinggi gaji seseorang graduan itu, lagi banyak kadar bayarannya, dan sebaliknya.

Selain mengurangkan beban pembayaran balik, pendekatan ini juga akan mengurangkan tempoh bayaran balik sejajar dengan peningkatan pendapatan graduan. Sistem ini adalah jauh lebih progresif kerana setiap graduan memulakan kerjaya dengan bidang, jawatan dan tangga gaji yang berbeza.

Pada masa yang sama, saya juga ingin mencadangkan agar garis pendapatan minima bagi bayaran balik diperkenalkan. Sebagai contoh, di Australia, hanya graduan yang telah mencapai pendapatan AUD54,126 setahun diwajibkan memulakan bayaran balik pinjaman pendidikan mereka. Ini adalah untuk mengelak daripada beban kewangan yang terlalu besar bagi graduan yang bergaji kecil. Di Malaysia, mungkin garis pendapatan minima boleh ditetapkan pada kadar RM3,500 sebulan atau RM42,000 setahun.

Akhir sekali, PTPTN juga harus dihubungkan kepada sistem KWSP atau LHDN agar kadar bayaran balik boleh diselaraskan kepada gaji. Pada masa yang sama, pemotongan dari sumber *(deduction from source)* juga boleh dilaksanakan.

**Percambahan IPTS yang tidak berkualiti**

**Tuan pengerusi,**

Oleh kerana PTPTN mempunyai syarat pinjaman yang boleh dikatakan longgar untuk pemohon IPTS, maka tidak mengejutkan apabila golongan kapitalis mengambil kesempatan ke atas hakikat ini. Justeru, kita telah melihat percambahan IPTS yang meragukan dari segi kualiti dan ditubuhkan semata-mata untuk mengutip wang PTPTN yang senang diperolehi. Tidak hairanlah apabila kita melihat banyak IPTS berlumba-lumba untuk mendapatkan pelajar dengan syarat kemasukan yang sangat minimum – lulus SPM dengan 1 kredit atau kelayakan yang setaraf dengannya untuk kursus sijil dan lulus SPM dengan 3 kredit atau kelayakan yang setaraf dengannya untuk kursus diploma.



ZAIRIL Khir Johari (kiri) Johari bergambar kenangan dengan kartunis tersohor, Zunar yang merupakan aktivis hak sebagai yang menggunakan kartun sebagai wadah perjuangan.

Hal ini bukan sahaja melahirkan graduan yang tidak berdaya saing tetapi juga melebihi kehendak pasaran. Menurut sebuah laporan Bank Dunia, wujud kesenjangan antara pembekalan dan permintaan *(supply and demand)* dalam pasaran kerja untuk graduan, di mana terdapat lebihan graduan berbanding pekerjaan sedia ada yang sesuai dengan kelulusan mereka.

Ketidakpadanan pembekalan dan pemintaan ini menyumbang kepada pengangguran dan guna tenaga tidak penuh *(underemployment)* di negara kita. Menurut perangkaan Kementerian sendiri, 27 peratus graduan IPTS dan 24 peratus graduan IPTA (institusi pengajian tinggi awam) tidak berjaya mendapat kerja enam bulan selepas tamat pengajian. Berdasarkan kenyataan Menteri yang saya memetik di atas pula, lebih kurang 8.8 peratus anak muda dalam lingkungan usia 20 hingga 24 tahun sedang menganggur.

Maka, bagi mengatasi masalah kelemahan kualiti pengajian tinggi, khususnya dalam kalangan IPTS, dan juga untuk menangani kadar pembayaran balik yang rendah, saya mencadangkan agar beban kewangan dialihkan daripada kerajaan kepada pihak swasta.

**Pinjaman pendidikan dari pihak swasta dan sistem baucar**

**Tuan pengerusi,**

PTPTN kini bergantung kepada dana awam, dan kegagalan untuk mengutip balik pinjaman sudah tentu akan membebankan Kerajaan. Oleh itu, saya cadangkan agar pinjaman pendidikan diambil alih oleh sektor swasta, seperti bank atau institusi kewangan lain. Sektor swasta bukan sahaja mempunyai jumlah dana yang mencukupi untuk menyediakan pinjaman pendidikan yang diperlukan, malah sudah pasti lebih efisien dan efektif dari segi pengutipan balik.

Namun, ini tidak bermakna Kerajaan boleh cuci tangan dalam hal ini. Pertama, saya mengesyorkan sistem baucar sisi-permintaan *(demand-side voucher system)*, di mana setiap graduan SPM akan menerima subsidi daripada Kerajaan. Bagi memastikan subsidi ini akan memanfaatkan golongan yang kurang berpendapatan serta memberi ganjaran untuk prestasi baik, maka formula baucar ini boleh dikaitkan kepada pendapatan isi rumah serta prestasi peperiksaan pelajar tersebut.

Sebagai contoh, seseorang graduan SPM yang berasal daripada isi rumah berpendapatan rendah dan telah mencapai keputusan cemerlang, mungkin akan diberi baucar bernilai RM20,000. Bagi pelajar daripada isi rumah yang lebih berada dan mungkin mendapat keputusan yang tidak terlalu hebat, mungkin beliau akan diberi baucar bernilai RM10,000. Saya menggunakan angka-angka ini hanya untuk memberi gambaran – formula yang betul harus ditetapkan setelah mengkaji pelbagai faktor.

Baucar ini pula boleh digunakan untuk memasuki mana-mana IPT yang diingini, dan akan bertindak sebagai subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan. Sudah tentu, baucar ini tidak akan menampung seluruh kos pengajian, dan di sini pinjaman pendidikan daripada pihak swasta yang saya nyatakan tadi dapat berfungsi sebagai pelengkap kepada sistem baucar.

Kedua, pinjaman pendidikan ini, walaupun daripada sektor swasta, harus dijamin oleh Kerajaan Persekutuan agar kadar faedah pinjaman yang berdaya saing dapat diperolehi dan pada masa yang juga menjadikan pinjaman ini sebagai aset bernilai tinggi yang memungkinkan peluang pelaburan dalam bentuk *asset securitization* pada masa depan.

Pendekatan ini, dilaksanakan bersama dengan kaedah pembayaran balik berdasarkan pendapatan dan juga garis minima pendapatan yang saya cadangkan tadi, akan memastikan kelestarian jangka panjang pinjaman pendidikan. Ini kerana pengalaman sektor pinjaman pihak swasta menunjukkan bahawa kadar pembayaran balik adalah lebih tinggi kerana ramai yang khuatir akan natijah yang bakal ditimpa sekiranya mereka tidak membayar balik.

Lebih penting lagi, dengan peralihan pinjaman pendidikan kepada pihak swasta, kita juga dapat membendung masalah IPT yang tidak berkualiti. Ini kerana mekanisme pasaran akan menghasilkan pembetulan *(market correction)*. Sebagai contoh, sudah tentu pihak bank tidak akan memberikan pinjaman kepada pelajar yang ingin belajar di institusi yang meragukan dari segi kualiti, kerana kebarangkalian graduannya mendapat kerja yang baik dan seterusnya membayar baik pinjaman adalah rendah. Dalam erti kata lain, ini akan secara semula jadi memaksa institusi pengajian tinggi untuk meningkatkan daya saingan mereka dan juga mengurangkan jumlah institusi yang tidak berkualiti.

Saya harap cadangan-cadangan pembaharuan ini dapat diberi pertimbangan oleh Kementerian, agar kita dapat sama-sama memantapkan lagi sektor pendidikan tinggi dengan cara yang dapat menjamin kelestarian pinjaman pendidikan, tidak membebankan peminjam dan pada masa yang sama juga memastikan kualiti pendidikan yang ditawarkan.

Sekian, terima kasih.



MENGHADIRI acara perasmian penganjuran *'Walk for Sight and Sound'* di Taman Belia.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA** | Sedang dikemaskini |
| **BERTAM** | Sedang dikemaskini |
| **PINANG TUNGGAL** | Sedang dikemaskini |
| **PERMATANG BERANGAN** | Sedang dikemaskini |
| **SUNGAI DUA** | Sedang dikemaskini |
| **TELOK AIR TAWAR** | Sedang dikemaskini |
| **SUNGAI ACHEH** | Sedang dikemaskini |
| **BAYAN LEPAS** | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG** | Sedang dikemaskini |
| **TELUK BAHANG** | Sedang dikemaskini |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637<br>04-263 7000 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | - | - - |
| N2 | Bertam | - | - - |
| N3 | Pinang Tunggal | - | - - |
| N4 | Permatang Berangan | - | - - |
| N5 | Sungai Dua | - | - - |
| N6 | Telok Air Tawar | - | - - |
| N7 | Sungai Puyu | 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | - Kamal<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | - Tira |
| N13 | Berapit | 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | 04 - 399 6689 | - Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | - | - - |
| N22 | Tanjong Bungah | 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | - Tina<br>- Hezreen |
| N23 | Air Putih | 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | 017 - 956 3237 | - Quah |
| N26 | Padang Kota | 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | 012 - 423 3227<br>010 - 811 7300 | - Benji Ang<br>- Razin |
| N29 | Datok Keramat | 04 - 226 2464 | - Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | 04 - 282 6630 | - Shuen |
| N31 | Batu Lancang | 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | - Anne<br>- Janet |
| N34 | Paya Terubong | 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | - Toon Hoon Lee<br>- Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | - Amirulzaman<br>- Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | - | - - |
| N39 | Pulau Betong | - | - - |
| N40 | Telok Bahang | - | - - |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2016

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Kumar a/l Kanapathy | 04 - 323 8757<br>016 - 407 6058 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani | 019 - 411 8343 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tan Chong Hee | 019 - 411 5598 |
| Zulkifli Ibrahim | 012 - 477 5588 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Goh Choon Aik | 04-588 3045<br>019 457 3222 |
| Alias Wan Chek | 019 - 540 4553 |
| Ong Jing Cheng | 016 - 445 5709<br>012 - 758 3779 |
| Anuar Yusoff | 04 - 507 5390<br>016 - 4616 390 |
| Amar Pritpal Abdullah | 04 - 582 2020<br>019 - 452 2020 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |
Forum yang julung kalinya dianjurkan oleh MBPP tersebut adalah menyasarkan penyertaan ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) di bahagian pulau sebagai pendedahan awal terhadap Dasar Pengasingan Sisa di Punca yang bakal dilaksanakan kelak.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota memberitahu bahawa Pulau Pinang menghasilkan kira-kira 1,700 tan sampah setiap hari.

"Nisbahnya adalah bersamaan dengan 1.1 kilogram (kg) setiap orang, setiap hari.

"Jumlah tan sampah ini dapat dikurangkan sekiranya amalan pengasingan sampah mampu dibudayakan, yang secara tidak langsung bakal membabitkan penjimatan berjuta-juta ringgit (RM) oleh pihak Majlis," jelas beliau.



CHOW Kon Yeow (tiga dari kanan) dan Teh Yee Cheu memotong reben sebagai menyempurnakan gimik pelancaran Program Pengkomposan Sisa Makanan di Pasar Awam Tanjung Bunga di sini baru-baru ini.

## Pengkomposan sisa makanan penting demi masa depan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**TANJUNG BUNGA –** Tahukah anda bahawa bagi setiap tan sampah yang dilupuskan, kita (masyarakat umum) perlu membayar sebanyak RM20.20 kepada pihak kontraktor pengurusan sisa buangan.

Malah, setiap warga Malaysia menghasilkan purata 1.1 kilogram (kg) sisa pepejal setiap hari iaitu bersamaan 8,000 tan bagi seluruh negara. Berdasarkan perangkaan tersebut, dalam tempoh sebulan, longgokkan tersebut mampu 'membentuk' Menara Berkembar Kuala Lumpur (KLCC).

Kenyataan tersebut dinyatakan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow pada Pelancaran Program Pengkomposan Sisa Makanan di Pasar Awam Tanjung Bunga di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota memberitahu bahawa proses pengkomposan adalah amat penting kerana ia mampu mengurangkan perbelanjaan pengurusan sisa dan mengelakkan pembebasan gas metana.

"Sejak inisiatif tersebut dilancarkan kali pertama pada tahun 2011, Kerajaan Negeri berjaya mengkomposkan 283 tan sisa pepejal yang 'diperoleh' dari pasar-pasar.

"Ini telah menghasilkan penjimatan berjumlah RM5,716.60," jelasnya.



SALAH seorang kakitangan MBPP mendemonstrasikan penggunaan mesin pengkomposan yang ditempatkan di Pasar Awam Tanjung Bunga.

Pada majlis berkaitan, Pasar Awam Tanjung Bunga merupakan pasar ke-lapan yang dibekalkan dengan kemudahan mesin pengkomposan sisa pepejal yang bernilai RM28,000 selepas Pasar Awam Pulau Tikus, Lebuh Campbell, Batu Lanchang, Farlim, Jelutong, Padang Tembak, Pasar dan Kompleks Makanan Bayan Baru.

Hadir sama, ADUN Tanjung Bunga, Teh Yee Cheu, Ahli-ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) antaranya, Syerleena Abdul Rashid, Joseph Ng Soon Siang dan Chris Lee Chun Kit.

# Jin Wei, Lu Yi terima insentif SKIMAS tanda penghargaan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN –** Pemain perseorangan badminton wanita negara, Goh Jin Wei, 15, dan atlet wushu Pulau Pinang, Chan Lu Yi, 18, masing-masing menerima insentif berjumlah RM24,000 di bawah Skim Insentif Kemenangan Sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SKIMAS) di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang menyempurnakan majlis penyampaian insentif berkenaan memuji pencapaian cemerlang kedua-dua atlet pelapis tersebut di kejohanan dunia baru-baru ini.

"Saya yakin pencapaian cemerlang Jin Wei dan Lu Yi pada hari ini akan diteruskan dan tidak akan berakhir di sini.

"Saya harap lebih ramai atlet pelapis kelahiran Pulau Pinang dapat menonjolkan prestasi cemerlang sekaligus mengharumkan nama negeri dan Malaysia di persada antarabangsa," katanya pada majlis berkaitan.

Turut hadir, Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng.

Menurut Chong Eng, beliau berharap lebih ramai ibu bapa dapat mempertimbangkan acara sukan sebagai alternatif kerjaya untuk anak-anak mereka.

"Sukan boleh menjadi alternatif untuk anak-anak kita berjaya dalam hidup sama ada sebagai kerjaya sepenuh masa mahupun sambilan," ujar beliau.

Jin Wei melakar sejarahnya tersendiri sebagai pemain perseorangan badminton wanita Malaysia yang pertama menjuarai Kejohanan Dunia Badminton Remaja di Lima, Peru pada 15 November 2015.

Pemain ranking kelima juara remaja tersebut menewaskan rakan senegara, Lee Ying Ying, 18, pada set kedua dengan catatan 21-15, 21-16 dalam masa 35 minit.

Penganjuran tersebut merupakan kali ketiga Jin Wei bertanding dalam kejohanan dunia badminton remaja.

Dalam pada itu, Lu Yi pula, merangkul pingat emas dalam kategori taiqiquan pada Kejohanan Wushu ke-13 yang berlangsung di Stadium Karno Utama Gelora Bung, Senayan, Indonesia pada 16 November 2015 anjuran Persekutuan Wushu Antarabangsa.




**GOH Jin Wei (dua dari kiri) dan Chan Lu Yi (kanan sekali) sambil diapit Ketua Menteri dan Chong Eng (kiri sekali) menunjukkan replika cek yang diterima pada Majlis Penyampaian Insentif SKIMAS di sini baru-baru ini.**

## Masyarakat perlu proaktif, kerjasama bendung gejala buli - Exco

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**PADANG KOTA –** Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng menyatakan bahawa istilah buli adalah perlu difahami dengan sebaik mungkin kerana tindakan berkaitan berkemungkinan dilakukan tanpa disedari seseorang.

Misalnya, beliau menyatakan, apabila ibu bapa bertindak memarahi anak-anak dengan mengugut akan memukul sekiranya mereka (anak-anak) tidak melakukan sesuatu, ia adalah salah satu perlakuan buli.

"Malah, kepekaan kita terhadap apa yang berlaku di sekeliling adalah tidak bermakna bahawa kita menyibuk dengan hal orang lain, sebaliknya, ia merupakan salah satu langkah untuk membendung gejala buli," ucapnya pada penganjuran ceramah 'Hentikan Buli, Jadikan Kenyataan' di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Chong Eng memberitahu bahawa masyarakat juga perlu bertindak proaktif dan bekerjasama dengan agensi-agensi berkaitan sekiranya memperoleh maklumat berhubung kes-kes buli yang berlaku.

"Sekiranya tidak bekerjasama, maka kita juga merupakan penyumbang ia dan dikira bersubahat," jelas beliau.

## *Lean In*, inspirasi kepada wanita untuk kecapi kejayaan

**GEORGE TOWN –** Diadaptasikan daripada buku *"Lean In : Women, Work and the Will to Lead"* oleh Sheryl Sandberg, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dengan kerjasama Kerajaan Negeri telah berjaya menganjurkan beberapa siri program berkaitan sejak 2013 sebagai sebahagian aspirasi kepada golongan wanita untuk mengecapi kejayaan dalam hidup.

Malah, program yang menjadi medan perkongsian pengalaman dalam kalangan wanita bekerjaya itu turut mendapat respons memberangsangkan apabila penyertaan peserta bertambah saban tahun.

Terbaru, program *Lean In@ Komtar* diadakan sempena penganjuran program, *'Penang Goes Orange'* yang berlangsung dari 1 November hingga 10 Disember 2015.

Penganjuran mengetengahkan golongan wanita-wanita berjaya seperti Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif; Dato' Aliza Sulaiman (Penasihat Undang-undang Negeri) dan Dato' Dr. Zailan Adnan (Pengarah Kesihatan Negeri), berkongsi pengalaman masing-masing melalui slot forum 'Tokoh Berjaya'.




**(Barisan depan, dari kanan), ALOYAH A. Bakar, Dr. Zailan Adnan, Aliza Sulaiman dan Maimunah Mohd. Sharif bergambar kenangan bersama-sama para peserta program *Lean In@Komtar* pada penganjurannya di sini baru-baru ini.**

Maimunah ketika ditemui berkata, antara cabaran perlu ditempuhi wanita berkerjaya kini adalah untuk mengimbangi urusan kerjaya dengan tuntutan berkeluarga.

"Tanggungjawab wanita berkerjaya kini semakin mencabar bukan sahaja kerana mereka (wanita) adalah seorang anak, tetapi juga merupakan seorang adik, atau kakak, atau seorang isteri dan ibu dalam sesebuah institusi kekeluargaan.

"Apatah lagi, wanita berkerjaya kini perlu bersaing dengan kaum lelaki untuk mendapat peluang dan hak yang sama. Sesungguhnya, kita adalah wanita terhebat," katanya yang turut berkongsi pengalaman hidupnya yang berasal daripada keluarga penoreh getah pada penganjuran *Lean In@ Komtar* di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey; mantan Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Aloyah A. Bakar; Ketua Bahagian Perbadanan Ketua Menteri, S. Bharati serta beberapa wakil dari agensi-agensi berkaitan kerajaan.

Kira-kira 100 peserta menyertai penganjuran berkenaan.

Mengulas lanjut, Maimunah berharap para peserta Program Lean In tersebut memperoleh inspirasi untuk terus berdaya maju dan berdaya saing tanpa menjadikan kekangan sebagai alasan untuk berjaya.




**ANTARA peserta yang mempamerkan plakad dengan mesej khas.**

# Sijil SOM Projek Bumi Hijau Taman Desa Damai, Tho Heng komited kekalkan pengiktirafan

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



**NG Tho Heng.**

**FOKUS,** impian dan komitmen yang disemai sejak April 2010, akhirnya membuahkan hasil!

"Apa yang kami impikan telah tercapai. Sangat bangga dan ia merupakan suatu kepuasan.

"Pengiktirafan ini menjadikan Projek Bumi Hijau Taman Desa Damai lain dari yang lain, kebanggaan kami!" kata Ng Tho Heng, 65, ketika berkongsi kejayaan apabila Projek Bumi Hijau atau juga dikenali sebagai Pertanian Hijau di bawah pengurusannya memperoleh Sijil Skim Organik Malaysia atau Sijil SOM dari Jabatan Pertanian pada 8 November 2015.

Katanya, dengan kejayaan tersebut, ia bermakna projek komuniti di bawah 'pertubuhan bukan kerajaan' (NGO) dengan keluasan kawasan tanaman 0.125 hektar (terkecil, berbanding dengan yang sedia tersenarai) di Taman Desa Damai, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah (SPT) merupakan yang pertama dalam negara yang memperoleh pengiktirafan berkaitan.

"Kini, cabaran sebenar adalah untuk *maintain*kan (kekalkan) gelaran tersebut kerana sijil itu hanya 'sah laku' sehingga 31 Disember 2016 sahaja ," selorohnya sambil ditemani rakan 'seperjuangan', Yap Sin Wai, 67.

Berkongsi pengalaman, Tho Heng yang peramah perwatakannya memberitahu bahawa Projek Bumi Hijau Taman Desa Damai ditubuhkan pada April 2010 di bawah tunjuk ajar serta nasihat Jabatan Pertanian dan LA21 Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Sekiranya dilihat pada konsep lebih luas, pendekatan hasil inisiatif Jabatan Pertanian dan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang dilaksanakan secara meluas di Malaysia khasnya adalah bertujuan menggalakkan rakyat bercucuk tanam bagi 'mengeluarkan' sendiri keperluan bahan makanan harian terutamanya dalam kalangan penduduk taman perumahan bandar dan juga luar bandar.

"Penanaman boleh dilaksanakan secara individu ataupun (secara) berkomuniti.

"Bagi kawasan perumahan yang terdapat tanah lapang berhampiran, penanaman secara komuniti boleh dilaksanakan. Penanaman umumnya akan diuruskan oleh satu badan pengurusan.

"Kaedah ini membolehkan ahli-ahli menanam pelbagai jenis tanaman (jenis renek) dengan mengambil kira kuantiti yang mencukupi untuk penggunaan setiap keluarga.

"Malah, badan pengurusan tersebut akan merancang untuk melaksanakan penanaman di kawasan berkenaan termasuk mendapat kebenaran atau kelulusan secara rasmi daripada pihak yang berkaitan," jelasnya sambil menyatakan bahawa antara jenis-jenis tanaman yang diusahakan ialah bayam, salad, terung, sawi, cili, kobis dan lain-lain.

Mengulas lanjut, Tho Heng memberitahu, pada peringkat permulaan, terdapat seramai 48 peserta, setiap plot (kawasan tanaman) adalah untuk dua peserta atau ahli yang terdiri dari penduduk kawasan perumahan di sini.

"Masa mula-mula, semua kata nak plot. Namun, setelah kami (pihak pengurusan) menyatakan bahawa corak penanaman perlu ikut syarat dan perlu ada komitmen, ramai ahli yang tidak tahan dan tarik diri.



**YAP Sin Wai sedang memberi makan ikan talapia yang dibela.**



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

SIJIL Certificate

NG THO HENG

NO. 8, LORONG NANGKA 7, TAMAN DESA DAMAI,
14000 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG

0.125 HEKTAR

TERUNG, KOBIS, SAWI, KAILAN, LETTUCE,
BENDI, ZUCCHINI, BITTER GOURD,
CENDAWAN

31 DISEMBER 2016

**SALINAN Sijil SOM yang diterima.**

"Antara syarat yang dikenakan adalah semua tanaman ditanam dan untuk dimakan sendiri. Yang penting, kami perlu memastikan bahawa ahli-ahli tidak menggunakan sebarang racun terhadap tanaman masing-masing. Pegawai pembimbing memang akan datang periksa bagi memastikan bahawa tanaman-tanaman di sini adalah 100 peratus organik dan bebas racun.

"Umumnya, tidak semua orang suka dan minat bidang pertanian. Orang lebih suka tanam pokok seperti pisang dan betik, iaitu tanaman yang tidak begitu memerlukan penjagaan rapi bagi memperoleh hasil," ujarnya sambil menyatakan bahawa seramai 30 ahli yang masih komited dengan projek berkaitan kini.

Ketika ditanya faktor penglibatannya dalam bidang berkaitan, Tho Heng yang sebelum ini merupakan pekerja swasta menyatakan bahawa beliau memiliki keinginan untuk 'bekerjasama' dengan alam sekitar.

"Selepas bersara dan mendapati terdapat peluang sedemikian, saya tidak melepaskan ia.

"Pada peringkat permulaan, kami menubuhkan Pusat Sumber Alam Sekitar Seberang Perai Tengah (SPT) di sini, boleh dikatakan yang pertama ketika itu di daerah ini.

"Kemudian, menerusi model yang diperkenalkan YB Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Puyu), kami buat Projek Bumi Hijau dan hinggalah kini," ujarnya sambil memandang ke arah Sin Wai yang menjadi penghuni taman perumahan berkaitan sejak tahun 1972.



**PLOT-plot sayur-sayuran Projek Bumi Hijau Taman Desa Damai, Bukit Mertajam.**

Lazimnya, Projek Bumi Hijau Taman Desa Damai tidak hanya terhad kepada kawasan bercucuk tanam sahaja, sebaliknya ia juga merupakan lokasi pembelajaran bagi kumpulan pelajar, orang perseorangan, pihak syarikat dan pihak-pihak yang ingin mempelajari dengan lebih lanjut pendekatan berkaitan.

"Sehingga kini, kami telah menerima kira-kira 60 kumpulan pelawat dari dalam dan juga luar negara. Malah, saya turut dijemput ke luar negara untuk berkongsi pengalaman di sini.

"Kebiasaannya, kami menerima lawatan dari kanak-kanak tadika. Pada sesi lawatan tersebut, kumpulan kanak-kanak akan diberi pendedahan mengenai penanaman sayur-sayuran organik di sini. Malah, yang paling menarik adalah mereka juga diberi peluang untuk memasak sayur-sayuran yang dipetik di sini," katanya yang kini dalam proses mewujudkan sebuah taman herba sebagai tambahan kepada sedia ada.

Bagi Tho Heng, bukan mudah dan bukan semua berminat dalam bidang pertanian, namun, kesedaran terutamanya dalam kalangan generasi muda adalah perlu dipupuk pada peringkat awal demi kepentingan pembangunan bidang berkaitan di masa hadapan.

Baginya, sebagai sebahagian daripada masyarakat umum di alam ini, beliau cuba memainkan peranan dengan sebaiknya. Malah, apa yang penting bagi dirinya kini adalah untuk mengekalkan pengiktirafan pensijilan yang diterima dan amat dibanggakan beliau.

**INFO:**
**Pusat Sumber Alam Sekitar SPT/Dewan MPSP**
**Lorong Nangka 1, Taman Desa Damai,**
**14000 Bukit Mertajam, SPT.**
**Emel : htn2323@gmail.com**


PENANG TRADE EVENTS 2016
Dianjurkan Oleh
PIHH HALAL PENANG
Mempersembahkan
WORLD CURRY FESTIVAL
PIHEC2016
3rd Penang International
Halal Chefs Challenge 2016
حلال
PIHEC2016
EKSPO dan PERSIDANGAN
HALAL
ANTARABANGSA KALI KE-7
Dengan Kerjasama
Penang GLOBAL TOURISM
PDC
investPenang
Ditaja Oleh
MES MALAYSIAN EXHIBITION SERVICES SDN BHD
ALLWORLD EXHIBITIONS MEMBER
Enrico's TRULY ORIGINAL
OLIVE TREE HOTEL
Rakan Media
DagangHalal.com halal trade globally
zilzar
29~31 JAN. 2016 / 10 PAGI~8 MALAM / SPICE (PISA)
04-262 5444
PihecEvent
www.pihec.com.my

# Perumahan Awam MBPP Jln. Sg. Dua dinaiktaraf, cat semula

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**PANTAI JEREJAK –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) membelanjakan lebih RM148,000 bagi tujuan penaiktarafan Perumahan Awam MBPP Jalan Sungai Dua (belakang tapak Pesta Pulau Pinang) di sini.

Mantan Ahli Majlis MBPP, S. Sukumar berkata, kerja-kerja pengecatan semula membabitkan dua blok bangunan dijangka siap pada April 2016.

"Selain itu, antara kerja-kerja lain (penaiktarafan) yang bakal dijalankan adalah menaiktaraf parkir motosikal, sistem perpaipan, menggantikan tong sampah dan penyusunan semula lokasi letak kereta.

"Projek ini adalah bagi memastikan kehidupan masyarakat di sini akan menjadi lebih selesa,'' ucapnya sebelum menyempurnakan gimik pelancaran kerja-kerja mengecat semula blok bangunan Perumahan Awam MBPP Jalan Sungai Dua di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis MBPP, A.Kumaresan dan Pengerusi Jawatankuasa Penduduk, Salahudeen Sultan.



(Dari kiri), A. Kumaresan dan S. Sukumar menyempurnakan gimik pelancaran kerja-kerja mengecat Perumahan Awam MBPP Jalan Sungai Dua di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Sukumar turut memuji penduduk di sini yang mengambil inisiatif menubuhkan jawatankuasa penduduk pada Julai tahun lalu bagi memudahkan urusan seharian berkaitan.

Sementara itu, memeriahkan majlis berkaitan adalah penganjuran majlis khatan membabitkan 13 kanak-kanak oleh jawatankuasa penduduk berkaitan.




RUPA bentuk Perumahan Awam MBPP Jalan Sungai Dua.

## Elak banjir, MBPP diseru kaji semula pelan perparitan & mitigasi

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) diminta agar mengkaji semula pelan-pelan perancangan perparitan dan mitigasi banjir di kawasan berhampiran bukit, cerun, kaki bukit dan tadahan air di sini.

Seruan tersebut dinyatakan Ahli Majlis MBPP, Mohamed Yusof Mohamed Noor ketika mengulas mengenai beberapa kejadian banjir yang berlaku di sini sebelum ini.

Katanya, pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan seharusnya melihat isu banjir sebagai bukan isu yang berlaku secara semulajadi.

"Sebaliknya, ia (banjir) kadang-kadang adalah berpunca daripada perancangan tidak menepati kaedah dan seterusnya menyumbang kepada bencana alam ini.

"Justeru, sebagai tindakan lanjut, sistem pengurusan banjir kilat dan program mitigasi banjir perlu diadaptasi dalam setiap pelan pembangunan, terutamanya di kawasan berhampiran bukit, cerun, kaki bukit dan tadahan air," katanya pada ucapan penangguhan Mesyuarat Biasa Majlis di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Mohamed Yusof menyatakan bahawa menerusi kajian dijalankan Universiti Sains Malaysia (USM), ia mendapati bahawa serapan aliran air ke tanah di permukaan berumput dan berpokok adalah sebanyak 80 peratus berbanding kawasan berkonkrit (bangunan).

"Apabila hujan lebat, kawasan yang mempunyai bangunan tidak dapat menyerap air dengan berkesan, 95 peratus air yang tidak diserap ini seterusnya akan mengalir terus ke sistem parit utama.

"Sistem peparitan sedia ada umumnya tidak dapat menampung jumlah aliran air yang banyak (antara 20 hingga 95 peratus) dan seterusnya menyebabkan kejadian banjir,'' jelas beliau.

## Kaji selidik Bajet 2017 MPSP mulai Januari



MAIMUNAH Mohd. Sharif (bertudung merah jambu) bersama-sama warga kerja MPSP merakam gambar kenangan sambil menunjukkan sijil penghargaan diterima pihak berkuasa tempatan berkaitan di sini baru-baru ini.

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan melaksanakan tinjauan atas talian serta mengedarkan borang soal selidik awam bagi maklum balas Bajet 2017, mulai 1 Januari hingga 28 Februari 2016.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, MPSP akan mulakan soal selidik untuk Bajet 2017 lebih awal, kalau dahulunya kita buat pada bulan April atau Mei.

"Ini, untuk membolehkan kita (MPSP) menyelidik serta membuat analisa lebih terperinci," katanya pada sidang media, selepas mempengerusi Majlis Mesyuarat Penuh Ke-498 Bil. (12/2015) dekat Kompleks Ibu Pejabat MPSP di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, Maimunah bersama-sama ketua-ketua jabatan merakamkan gambar kenang-kenangan dengan para Ahli Majlis MPSP bagi sesi lantikan tahun 2015.

# Kg. Selut: MBPP tidak pernah luluskan sebarang pembangunan semula

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Patahiyah Ismail tampil menyangkal laporan berita berhubung tindakan pembangunan semula melibatkan skim perumahan awam MBPP di Kampung Selut, Sungai Pinang, Daerah Timur Laut di sini.

Jelas beliau, MBPP tidak pernah meluluskan sebarang pembangunan semula di kawasan perumahan awam di situ.

"Saya sebagai Datuk Bandar ingin menyangkal sekeras-kerasnya kenyataan tersebut kerana MBPP tidak mempunyai cadangan untuk membangunkan kawasan Kampung Selut.

"Oleh itu, MBPP membuat laporan polis berhubung laporan berita tersebut oleh pihak berkaitan," katanya dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Sehubungan itu, Ahli Majlis MBPP, Mohamed Yusoff Mohamed Noor mewakili pihak MBPP telah membuat laporan di Balai Polis Jalan Patani pada 19 Disember lalu berhubung laporan berkaitan. Dalam laporan tersebut, beliau memohon agar siasatan dijalankan.

Mengulas lanjut, Patahiyah memberitahu, MBPP dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) sebelum ini telah menjalankan kaji selidik bagi memperoleh pandangan penduduk di Kampung Selut sama ada mereka berpuas hati dengan keadaan rumah didiami dan persekitarannya.

"Melalui kaji selidik tersebut juga, penduduk turut ditanya sama ada mereka memerlukan sebarang penambahbaikan dan perubahan di kawasan tersebut.

"Majoriti penduduk yang menyertai kaji selidik



PATAHIYAH Ismail.

tersebut adalah berpuas hati dengan keadaan sedia ada," jelas beliau.

Skim perumahan awam MBPP di Kampung Selut mempunyai 211 unit di mana 109 unit (rumah sesebuah) telah dipajak selama 99 tahun, manakala baki 102 unit lagi disewa termasuk 96 unit rumah teres dan enam unit rumah sesebuah.

Media sebelum ini melaporkan sebuah lagi perkampungan Melayu di Pulau Pinang iaitu Kampung Selut, Sungai Pinang di sini bakal lenyap selepas penduduk di situ dimaklumkan kawasan berkenaan akan dibangunkan semula oleh pemaju.

Kampung berkenaan yang terletak berhampiran bandaraya George Town di sini wujud sejak 1960-an dan menempatkan kira-kira 5,000 penduduk.

Desas desus mengenai pembangunan di kampung itu mula tersebar apabila penduduk dipercayai menerima surat kaji selidik daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) pada Jun lepas yang antara lain ingin mengetahui sama ada mereka bersetuju atau tidak dengan pembangunan dilaksanakan di kawasan itu.

# Tiga lesen premis hiburan palsu, MPSP perketat syarat permohonan

**SEBERANG JAYA –** Dari 32 pusat hiburan yang diserbu baru-baru ini, tiga dikenalpasti beroperasi dengan menggunakan lesen premis perniagaan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) palsu

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif memberitahu, dua operasi bersepadu itu turut membabitkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).

"Laporan (polis) dibuat adalah untuk siasatan dan tindakan tegas pihak PDRM, (dan) kertas siasatan telahpun dibuka untuk perkara ini," katanya pada sidang media di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud serta tiga pegawai pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan.

Susulan itu, Maimunah memberitahu, MPSP menubuhkan Task Force Pelesenan dan Penguatkuasaan Hiburan Dan Internet Kafe, dengan wakil PDRM serta AADK dijemput menganggotai badan bertindak tersebut.

Tidak cukup dengan itu, tambahnya, PBT akan mengetatkan lagi syarat permohonan serta pembaharuan lesen premis perniagaan, demi memastikan kes pemalsuan lesen MPSP tidak berulang.

"Kita (MPSP) mensyaratkan pemohon untuk mengemukakan dokumen atau AP pembelian mesin atau invois sewaan atau pembelian mesin daripada pemegang AP dan dokumen kelulusan AP atau penyewa mesin.

"Kita (MPSP) akan merujuk semula kepada jabatan-jabatan lesen hiburan bagi pembaharuan lesen hiburan.

"Kita juga akan mengadakan pemantauan dan penguatkuasaan secara berkala, dengan kerjasama agensi penguatkuasaan luar (seperti PDRM dan AADK).

"Kita akan mengadakan bengkel khusus pada tahun 2016 (antara lain) bagi membincangkan aspek menghadkan kelulusan lesen premis hiburan dalam radius tertentu," tegas Maimunah.

Menurut sumber MPSP, pada 17 Disember tahun lalu, sebuah premis hiburan di Jalan Bukit Taman Indah dekat Simpang Empat diserbu.

"Hasil serbuan mendapati bahawa terdapat mesin simulator dan mesin karnival di premis hiburan yang beroperasi menggunakan lesen palsu MPSP.

''Manakala, dalam operasi berasingan pada 31 Disember pula, sebanyak 31 premis hiburan lain diserbu dan hanya dua beroperasi secara 'haram'," jelasnya.





JADUAL PROGRAM SARINGAN MAMMOGRAM PERCUMA PULAU PINANG 2016

| | Sabtu | Pulau Pinang | Seberang Perai | Ahad | Pulau Pinang | Seberang Perai |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Jan | 9 | Teluk Bahang | Penaga | 10 | Sungai Pinang | Sungai Puyu |
| | 16 | Tanjong Bungah | Seberang Jaya | 17 | Pantai Jerjak | Penanti |
| | 23 | Padang Kota | Bukit Tambun | 24 | Batu Maung | Perai |
| | 30 | Air Putih | Bagan Jermal | 31 | Seri Delima | Sungai Bakap |
| Feb | 6 | | | 7 | | |
| | 13 | | | 14 | | |
| | 20 | Dato Keramat | Bertam | 21 | Pulau Betong | Berapit |
| | 27 | Batu Lanchang | Pmtg Pasir | 28 | Pengkalan Kota | Padang Lalang |
| Mar | 5 | Kebun Bunga | Bukit Tengah | 6 | Pulau Tikus | Jawi |
| | 12 | Batu Uban | Machang Bubok | 13 | Bayan Lepas | Pinang Tunggal |
| | 19 | Paya Terubong | Sungai Acheh | 20 | Komtar | Pmtg Berangan |
| | 26 | Bagan Dalam | Sg Dua | 27 | Air Itam | Telok Air Tawar |
| Apr | 2 | Sungai Pinang | Sungai Puyu | 3 | Teluk Bahang | Penaga |
| | 9 | Pantai Jerjak | Penanti | 10 | Tanjong Bungah | Seberang Jaya |
| | 16 | Batu Maung | Perai | 17 | Padang Kota | Bukit Tambun |
| | 23 | Seri Delima | Sungai Bakap | 24 | Air Putih | Bagan Jermal |
| | 30 | Pulau Betong | Berapit | 1 | Labour Day | |
| Mei | 7 | Pengkalan Kota | Padang Lalang | 8 | Dato Keramat | Bertam |
| | 14 | Pulau Tikus | Jawi | 15 | Batu Lanchang | Pmtg Pasir |
| | 21 | Wesak Day | | 22 | Kebun Bunga | Bukit Tengah |
| | 28 | Bayan Lepas | Pinang Tunggal | 29 | Batu Uban | Machang Bubok |
| Jun | 4 | Yang di-Pertuan Agong's Bday | | 5 | | |
| | 11 | Komtar | Pmtg Berangan | 12 | Bagan Dalam | Sg Dua |
| | 18 | Air Itam | Teluk Air Tawar | 19 | Paya Terubong | Sungai Acheh |
| | 25 | Teluk Bahang | Penaga | 26 | Sungai Pinang | Sungai Puyu |




MAIMUNAH Mohd. Sharif (dua dari kiri), Sr. Rozali Mohamud (tengah) dan para pegawai MPSP lain menunjukkan salinan dokumen lesen PBT berkaitan pada sidang media di sini baru-baru ini.

# Program tahunan sumbangan kelengkapan persekolahan KN diteruskan

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **FB PPK**



**SEBAHAGIAN penerima bantuan persekolahan merakam gambar bersama jawatankuasa penganjur di KADUN Penaga, Seberang Perai Utara.**




**MOHD. Rashid Hasnon (berkameja putih) menyampaikan sumbangan beg sekolah kepada salah seorang penerima sambil ditemani Muhasdey Muhamad (depan, kiri sekali) bersempena penganjuran program sumbangan pakaian seragam dan kelengkapan persekolahan di sini baru-baru ini.**

**PINANG TUNGGAL –** Sumbangan pakaian seragam dan kelengkapan persekolahan yang diterima 320 pelajar sekolah rendah dan menengah terpilih di kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pinang Tunggal di sini ternyata menceriakan golongan berkaitan untuk memulakan sesi persekolahan 2016.

Sumbangan berupa baucar bernilai antara RM100 hingga RM180 setiap seorang (mengikut tahap persekolahan) itu merupakan program tahunan bertujuan membantu meringankan perbelanjaan ibu bapa menjelang sesi persekolahan baharu.

Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Pinang Tunggal, Muhasdey Muhamad berharap sumbangan berkaitan bukan sahaja dapat meringankan beban perbelanjaan ibu bapa, tetapi juga memberi semangat kepada para pelajar untuk memulakan sesi baharu seterusnya berusaha mencapai kejayaan yang cemerlang.

Disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, majlis itu diadakan di Pasar Raya Sunshine, Bertam 19, Disember lalu.

Dalam pada itu, majlis serupa turut diadakan di KADUN Sungai Acheh dengan jumlah penyampaian mencecah 510 pelajar dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah dan kurang mampu.

Di KADUN Bertam, seramai 400 pelajar menerima sumbangan persekolahan, selain KADUN Teluk Air Tawar (280), KADUN Teluk Bahang (370) dan KADUN Pulau Betong (300).

Turut diadakan adalah di KADUN Penaga, Sungai Dua, Permatang Berangan dan Bayan Lepas.

Sumbangan-sumbangan berkenaan adalah hasil inisiatif Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat PPK dengan kerjasama Pejabat Ahli Parlimen, Ahli-ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Zakat Pulau Pinang (ZPP) serta beberapa badan bukan kerajaan (NGO) seperti *Islamic Aid Malaysia* (IAM) dan *Prince of Wales International School*.



**MOHD. Tuah Ismail (kiri sekali) ketika hadir menyerahkan baucar sumbangan kelengkapan persekolahan di Pekan Kongsi, Balik Pulau.**



**SEBAHAGIAN 154 pelajar cemerlang UPSR menunjukkan sijil pengiktirafan dan token yang diterima pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang KADUN Air Putih di sini baru-baru ini.**

## KADUN Air Putih rai pelajar cemerlang UPSR

**TAHNIAH...** Seramai 154 pelajar cemerlang dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 2015 dipilih untuk menerima Anugerah Pelajar Cemerlang bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Putih di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) berkaitan, ketika menyampaikan ucapannya menyatakan bahawa harapan tinggi diletakkan di atas bahu para pelajar berkaitan untuk terus mengecapi kejayaan di masa hadapan.

Selain sijil penghargaan, para pelajar yang diraikan turut menerima token di atas kecemerlangan masing-masing.

Anugerah Pelajar Cemerlang merupakan salah satu program kemasyarakatan tahunan yang diadakan bagi mengiktiraf kejayaan dan kecemerlangan para pelajar yang menduduki peperiksaan umum negara di Dewan Undangan Negeri (DUN) berkaitan.




**ABDUL Malik Abul Kassim (kanan sekali) beramah-mesra dengan salah seorang penerima sumbangan kelengkapan sekolah bagi KADUN Batu Maung pada majlis penyampaiannya di sini baru-baru ini.**

## *Penang Science Cafe* di KADUN Batu Maung, cadang ADUN

**BATU MAUNG –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Malik Abul Kassim mencadangkan supaya Kafe Sains Pulau Pinang atau *Penang Science Cafe* turut diwujudkan di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) beliau.

Katanya, Kafe Sains Pulau Pinang yang merupakan pusat sehenti sains adalah demi menyalurkan tenaga bakat Pulau Pinang ke seluruh negeri dan secara tidak langsung membangunkan komuniti sains yang akan membantu mencorakkan masa depan Pulau Pinang.

"Justeru, cadangan akan saya hantar dalam tempoh masa terdekat dan diharap ianya akan diluluskan demi kepentingan pelajar-pelajar di kawasan ini," katanya pada Majlis Penyerahan Sumbangan Bantuan Kelengkapan Persekolahan DUN Batu Maung di sini baru-baru ini.

Pada majlis berkaitan, seramai 553 pelajar dari 10 sekolah sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Maung menerima sumbangan berkaitan.

Selain peruntukan beliau, sumbangan tersebut juga daripada Zakat Pulau Pinang (ZPP).

Sebelum ini, *Penang Science Cafe @ Krystal Point* ditubuhkan atas usaha bersama syarikat elektronik terkemuka, *Agilent Technologies* dan Kerajaan Negeri melalui *Penang Science Cluster.*

Lanjutan itu, turut ditubuhkan *Creative Animation Trigger* (@CAT) di Wisma Yap Chor Ee (WYCE) sebagai mencerminkan usaha Kerajaan Negeri dalam mempromosikan bidang sains, teknologi dan animasi kelompok kreatif di negeri ini.

# ADUN Jawi teliti dengar keluhan penduduk, nekad selesai

Gambar : **ADUN**

**JAWI** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee memaklumkan bahawa permohonan peruntukan pembinaan bumbung bagi gelanggang sepak takraw Kampung Bagan Buaya telah diluluskan pihak Kerajaan Negeri baru-baru ini.

Seorang penduduk yang hanya ingin dikenali sebagai Mat Rodzi memberitahu bahawa setelah 15 tahun, akhirnya kawasan (Dewan Undangan Negeri, DUN) Jawi telah 'berubah'.

"Selepas YB Soon (Lip Chee) menjadi ADUN, kawasan di sini banyak berubah, antaranya, pengecatan pintu gerbang besi, pemasangan lampu hiasan, penukaran saluran longkang dan terbaru adalah kelulusan peruntukan naik taraf gelanggang sepak takraw," katanya ketika menerima kalendar 2016 ADUN Jawi yang diedarkan di sini baru-baru ini.

Bersempena program tersebut, Lip Chee turun padang untuk mengedarkan kalendar 2016 di sekitar Kampung Bagan Buaya, Kampung Changkat, Kampug Stesen dan Taman Veerappan di sini.

Sejumlah 19,000 naskah kalendar dicetak bagi tujuan berkaitan.

Mengulas lanjut, Lip Chee memberitahu, di samping mengedarkan kalendar, beliau turut mengambil kesempatan tersebut untuk memperoleh maklum balas penduduk tempatan, antaranya berhubung permasalahan jalan rosak, longkang tersumbat, banjir kilat dan keperluan menaiktaraf longkang-longkang sedia ada.

"Saya mendengar keluhan penduduk di sini dengan penuh teliti dan setelah memperoleh maklumat berkaitan, saya akan sedaya-upaya cuba menyelesaikan ia.

"Malah, saya juga hubungi jabatan-jabatan berkaitan bagi tindakan susulan," jelas beliau.

Bagi sebarang maklum balas, orang ramai boleh menghubungi Pusat Khidmat DUN Jawi di talian 04 – 594 1163 atau emel, *dunjawi@hotmail.com* atau menerusi laman *Facebook, N19 Soon Lip Chee*.



**SOON Lip Chee (empat dari kanan) menyerahkan kalendar 2016 kepada salah seorang penduduk DUN Jawi di sini baru-baru ini.**

# Sumbangan persekolahan harap ringan beban ibu bapa - Rashid



**MOHD. Rashid Hasnon (tiga dari kiri) dan Sim Tze Tzin (dua dari kiri) bergambar kenangan dengan salah seorang penerima pada Majlis Penyampaian Sumbangan Bantuan Persekolahan KADUN Pantai Jerejak di sini baru-baru ini.**

**SUMBANGAN KEMBALI KE SEKOLAH...** Timbalan Ketua Menteri I merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Dato' Mohd. Rashid Hasnon baru-baru ini menyampaikan sumbangan baucar persekolahan bernilai RM100 kepada 80 pelajar terpilih sebagai inisiatif membantu mengurangkan beban ibu bapa bagi tujuan berkaitan.

Beliau berharap dengan bantuan tersebut, ia sedikit sebanyak akan meringankan beban ibu bapa terutamanya mereka yang kurang berkemampuan.

Dalam pada itu, Mohd. Rashid turut menyeru supaya para pelajar mencapai kecemerlangan dalam pembelajaran dan menjadi kebanggaan ibu bapa, negeri dan juga negara suatu hari kelak.

Turut hadir pada Majlis Penyampaian Sumbangan Bantuan Persekolahan KADUN Pantai Jerejak berkenaan adalah Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin.



**TIGA pelajar masing-masing menunjukkan baucar yang diterima.**




**LIM Siew Khim (berkameja putih) bergambar kenangan dengan para penerima sumbangan kelengkapan persekolahan pada majlis penyampaiannya di sini baru-baru ini.**

# 250 penduduk 'sertai' program gunting rambut percuma

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**SUNGAI PINANG –** Seramai 250 penduduk yang terdiri daripada kalangan pelajar dan ibu bapa tidak melepaskan kesempatan untuk mendapatkan perkhidmatan gunting rambut percuma anjuran Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim di sini baru-baru ini.

Siew Khim memberitahu, penganjuran program berkenaan adalah diharap dapat mengurangkan beban golongan ibu bapa terutamanya.

"Kos penyediaan barangan kelengkapan persekolahan adalah amat tinggi kini, justeru, adalah diharapkan program ini sedikit sebanyak dapat membantu ibu bapa mengurangkan sejumlah kos berkaitan," katanya ketika ditemui pada penganjuran program Sumbangan Persekolahan 2016 dan Gunting Rambut Percuma Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Pinang di sini baru-baru ini.

Penganjuran program berkaitan dijayakan dengan penglibatan 60 pendandan rambut dari *Hair Story International*.

Turut diadakan adalah Majlis Penyampaian Sumbangan Persekolahan 2016.



**MEMERHATIKAN kebolehan salah seorang pendandan rambut.**

# Alami pesona gemerlapan belon udara panas mini di Esplanade

**GEMERLAPAN...** Keindahan lampu-lampu kecil yang bergemerlapan di sepanjang laluan pejalan kaki berdekatan Padang Kota Lama menjadi pesona baru sempena sambutan Fiesta Belon Udara Panas Pulau Pinang 2016.

Disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada 23 Disember lalu, laluan dikenali, *'The Path of Penang Hot Air Balloon Fiesta 2016'* tersebut membangkitkan lagi suasana malam yang penuh cahaya.



DUA pengunjung bergambar kenangan dengan berlatarbelakangkan deretan belon udara panas mini yang menghiasi laluan pejalan kaki sekitar Padang Kota Lama.




**KETUA Menteri dan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (barisan belakang, berkaca mata) bergambar kenangan dengan sekumpulan kanak-kanak pada Majlis Pelancaran The Path of Penang Hot Air Balloon Fiesta 2016 di sini baru-baru ini.**

Deretan dan juraian kecil pelbagai jenis dan warna belon udara panas mini hasil kreativiti anak-anak tempatan berusia 12 tahun dan ke bawah menghiasi segenap laluan di sini.

*'The Path of Penang Hot Air Balloon Fiesta 2016'* akan kekal sehingga Februari ini dan setiap hujung minggu bermula dari jam 8 malam - 9.30 malam, terdapat juga, pelbagai persembahan secara langsung oleh artis-artis tempatan.

Oleh : **ME**

